



MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA



# LAPORAN PEPERIKSAAN **STPM & MUET** **2020**

---

## Bahasa Melayu (910)



## **KANDUNGAN**

Bahasa Melayu (910/1) .....	<b>1 – 11</b>
Bahasa Melayu (910/2) .....	<b>13 – 22</b>
Bahasa Melayu (910/3) .....	<b>23 – 39</b>

# BAHASA MELAYU (910/1)

## PRESTASI KESELURUHAN

Pada Semester 1, sebanyak 30 070 calon menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran ini dan 87.37 peratus daripadanya telah mendapat lulus penuh.

Peratusan calon mengikut gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	13.98	7.17	12.62	11.21	15.06	17.07	10.26	3.77	4.14	1.76	2.95

## RESPONS CALON

### BAHAGIAN A: Aneka Pilihan

#### Kunci jawapan

Nombor Soalan	Kunci Jawapan	Nombor Soalan	Kunci Jawapan
1	C	11	B
2	B	12	C
3	A	13	A
4	B	14	A
5	B	15	D
6	A	16	D
7	C	17	D
8	D	18	D
9	B	19	C
10	A	20	C

#### Komen am

Secara keseluruhannya, prestasi calon dalam bahagian A bagi semester ini adalah sederhana. Terdapat 82 orang calon yang memperoleh markah penuh, iaitu 20 markah. Seramai 53 orang calon pula mendapat markah yang terendah, iaitu 0 markah. Berdasarkan respons calon, didapati bahawa soalan 3, 10, 15, 16, dan 20 merupakan soalan yang mudah kerana lebih 70 peratus calon dapat menjawabnya dengan betul. Soalan 1 pula merupakan soalan yang sukar kerana kurang 30 peratus calon dapat menjawabnya dengan betul. Soalan-soalan lain pula merupakan soalan sederhana kerana 50 peratus calon dapat menjawabnya dengan betul.

## BAHAGIAN B: Pembacaan Kritis dan Analitis

### Komen am

Dalam bahagian ini, calon dikehendaki menjawab semua soalan yang diberikan. Calon dikehendaki untuk menulis jawapan pada helaian jawapan yang disediakan. Markah penuh bagi bahagian ini ialah 30 markah. Secara umumnya, prestasi calon dalam bahagian ini adalah baik. Hanya ada satu soalan yang tidak dapat dijawab dengan baik oleh calon, iaitu soalan 21. Walaupun soalan ini bukan soalan yang aras kesukarannya tinggi, calon tidak dapat menjawabnya kerana mereka tidak dapat memikirkan kosa kata yang sesuai dengan beberapa kata kunci dalam frasa yang diberikan dalam soalan.

Untuk soalan 22 pula, ramai calon dapat menjawabnya dengan betul. Hal ini dikatakan demikian kerana jawapan bagi soalan ini mudah dikesan dalam petikan yang diberikan. Namun demikian, ada calon yang terlebih menyalin isi daripada petikan, menyebabkan bahagian yang tiada kaitan dengan kehendak soalan juga dimasukkan sebagai jawapan. Bagi soalan 23, terdapat calon yang tidak memahami maksud mesej dalam petikan. Jawapan yang diberikan oleh calon jelas menunjukkan bahawa calon menganggap mesej ialah pengajaran yang hendak disampaikan oleh penulis, isi penting, idea penulis, atau cadangan penulis. Dengan pemahaman yang sedemikian, ramai calon yang tidak dapat memberikan jawapan yang tepat.

Bagi soalan 24 pula, daripada 20 markah yang diperuntukkan, tidak ramai calon yang berjaya memperoleh 14 markah dan ke atas. Hanya calon yang berprestasi tinggi dapat menjawab soalan ini dengan baik. Mereka dapat memberikan isi berserta dengan huraian dan contoh yang sesuai. Calon yang lemah pula memberikan isi yang tidak jelas, berulang-ulang, dan tidak menepati kehendak soalan. Mereka tidak dapat memberikan huraian yang menunjukkan kematangan, manakala contoh yang diberikan pula tidak tepat. Jawapan yang diberikan jelas menunjukkan bahawa mereka tidak mampu untuk mengkategorikan pihak-pihak yang boleh membantu untuk mengurangkan masalah ketagihan bermain permainan video dalam kalangan anak-anak. Calon juga tidak dapat mengenal pasti dan membezakan langkah yang sesuai diambil untuk mengatasi masalah ketagihan tersebut. Disebabkan kelemahan berkenaan, ramai calon tidak dapat memberikan cadangan jawapan yang tepat berserta dengan huraian dan contoh yang sesuai.

### Komen soalan demi soalan

#### Soalan 21

Soalan ini menghendaki calon menjelaskan maksud frasa yang berikut:

- (a) ...*bagi menangani kemelut yang merantai masyarakat...* (baris 22 hingga 23)
- (b) ...*menuntut kemahiran yang maksimum daripada penciptanya.* (baris 32 hingga 33)

Contoh jawapan yang sepatutnya untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

- (a) Untuk menyelesaikan masalah yang membelenggu orang ramai
- (b) Memerlukan kecekapan yang paling tinggi daripada orang yang menghasilkan animasi berkomputer

Calon sepatutnya memberikan maksud frasa berdasarkan petikan yang diberikan. Calon seharusnya memberikan kata lain yang bersinonim atau yang hampir sama dengan kata kunci dalam frasa tersebut, seperti “kemelut”, “merantai”, “kemahiran”, dan “maksimum”.

Hanya segelintir calon dapat memberikan maksud yang tepat bagi kedua-dua frasa tersebut. Maksud yang diberikan oleh mereka agak tepat dan menunjukkan bahawa calon memahami maksud frasa tersebut. Contoh jawapan calon yang tepat adalah seperti yang berikut:

- (a) Untuk mengatasi masalah yang membenggu orang ramai
- (b) Memerlukan kepintaran yang tinggi daripada pembuatnya

Namun demikian, kebanyakan calon tidak dapat memberikan maksud yang tepat bagi frasa tersebut. Hal ini berkemungkinan kerana calon tidak dapat mencari perkataan lain yang membawa maksud yang sama dengan kata kunci dalam frasa yang diberikan dalam soalan atau mungkin juga calon tidak memahami maksud sebenar frasa tersebut. Ada calon yang memberikan huraian umum tentang maksud bagi frasa berkenaan. Contoh jawapan calon adalah seperti yang berikut:

- (a) (i) Bagi menangani masalah yang semakin merebak dalam golongan masyarakat kini
- (ii) Bagi menangani kemelut masyarakat moden untuk menangani sesuatu masalah
- (iii) Menghalang masalah-masalah yang dihadapi oleh orang ramai supaya tidak berterusan
- (iv) Membendung kesusahan yang dialami masyarakat
- (v) Menghalang ketagihan permainan video dalam masyarakat
- (vi) Membasmi isu yang menghantui masyarakat
- (vii) Menghalang permainan video yang membahayakan rakyat
- (b) (i) Kemahiran dalam bidang teknologi pada masa kini amat diperlukan oleh pencipta permainan video
- (ii) Kemahiran maksimum seseorang dalam teknologi pada masa kini amat berguna untuk mencipta sesuatu
- (iii) Melebihi kecekapan dan kemahiran yang terbanyak daripada penciptanya
- (iv) Menunjukkan jalan terbaik kepada kalangan muda untuk menjadi generasi yang sempurna dan berjaya
- (v) Memerlukan kebolehan yang terbanyak daripada orang yang mewujudkannya
- (vi) Memenuhi kemahiran daripada pembuatnya
- (vii) Mempelajari pengetahuan yang lebih tinggi daripada pengasasnya

Jawapan sedemikian adalah kurang tepat dan hal ini menyebabkan calon tidak memperoleh markah.

## **Soalan 22**

Soalan ini menghendaki calon menyatakan sebab faktor keluarga dikaitkan dengan ketagihan bermain permainan video dalam kalangan anak-anak. Contoh jawapan yang tepat untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

- (a) Ibu bapa menyogok peranti permainan video kepada anak-anak, terutamanya apabila ibu bapa sibuk dengan tugas masing-masing.
- (b) Ibu bapa memberikan telefon pintar yang mempunyai aplikasi permainan video kepada anak-anak seawal usia anak empat tahun.

Jawapan untuk soalan ini terdapat dalam petikan yang diberikan. Calon sepatutnya memberikan jawapan berdasarkan petikan sepenuhnya. Kebanyakan calon dapat memberikan jawapan yang tepat untuk soalan ini. Namun demikian, ada juga calon yang tidak dapat menjawab soalan ini. Antara kelemahan calon adalah seperti yang berikut:

- (a) Calon tidak memberikan jawapan yang lengkap seperti yang ada dalam petikan sebaliknya mereka hanya memberikan sebahagian jawapan, contohnya:  
Ibu bapa menyogok peranti permainan video kepada anak-anak dan memberikan telefon pintar kepada anak-anak.
- (b) Calon memasukkan bahagian ayat dalam teks yang tidak relevan dengan kehendak soalan, contohnya:  
(i) Ketagihan bermain permainan video memeningkan kepala ibu bapa kerana permainan video digital membazirkan masa anak-anak.

- (ii) Ada murid sekolah yang hilang minat dalam pembelajaran kerana asyik mengunjungi kafe siber untuk bermain permainan video.
- (c) Calon memberikan pendapat mereka sendiri, contohnya:  
Ibu bapa tidak ada masa untuk melayani anak-anak dan zaman anak-anak kini ialah zaman teknologi.
- (d) Calon memberikan jawapan secara umum tentang keluarga dan isu permainan video dan menyatakan pendapat mereka sendiri, contohnya:
  - (i) Keluarga merupakan pihak yang amat penting bagi memberikan pendidikan kepada anak-anak, keluarga seharusnya memantau aktiviti anak-anak kerana mereka masih kecil dan tidak tahu keburukan dan kebaikan yang mereka ketahui, serta ibu bapa juga merupakan pendidik yang mampu mendidik dan mengawal anak-anak.
  - (ii) Faktor keluarga dikaitkan dengan ketagihan bermain permainan video dalam kalangan kanak-kanak disebabkan sikap keluarga yang hanya mahukan anak mereka kelihatan gembira sehingga sanggup membelinya dan membiarkan anak mereka main *games* tersebut. Seterusnya, sikap keluarga yang hanya menginginkan anak mereka tidak menangis. Contohnya, apabila semasa kecil ibu-bapa memberikan mereka telefon bimbit kerana bertujuan untuk melihat dan ingin mendengar anak-anak mereka tidak bising.

Walaupun jawapan di atas ada kaitan dengan kandungan petikan, namun calon tidak memperoleh markah penuh kerana ada isi yang tidak memenuhi kehendak soalan dan ada isi yang diberikan tidak terdapat dalam petikan.

### Soalan 23

Soalan ini menghendaki calon memberikan dua mesej yang ingin disampaikan oleh penulis dalam petikan tersebut. Contoh jawapan yang tepat untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

- (a) Peralatan moden yang dicipta melalui kemajuan dalam bidang sains dan teknologi telah memberikan pelbagai kesan kepada masyarakat.
- (b) Usaha untuk menghilangkan ketagihan permainan video perlulah difikirkan oleh pihak tertentu bagi menangani kemelut yang merantai masyarakat era teknologi moden kini.
- (c) Penggunaan permainan video ada baik dan buruknya.

Soalan ini merupakan soalan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT). Oleh itu, hanya calon yang berprestasi tinggi dapat memberikan jawapan yang tepat untuk soalan ini. Mereka dapat mengesahkan mesej penulis dengan tepat. Contoh jawapan calon adalah seperti yang berikut:

- (a) Semua pihak mestilah memikirkan cara untuk menangani masalah ketagihan permainan video pada zaman teknologi moden ini.
- (b) Permainan video ada kebaikan dan keburukannya.
- (c) Pada masa ini, sains dan teknologi dalam bidang yang berkaitan dengan permainan video berkembang dengan pesat sekali.

Calon yang lemah memberikan jawapan yang tidak tepat. Ada calon yang hanya dapat memberikan satu mesej sahaja, iaitu yang berkaitan dengan kesan perkembangan teknologi permainan video. Ada calon yang membuat kesimpulan sendiri dan ada juga calon yang memberikan jawapan secara umum tanpa menyentuh mesej sebenar penulis. Jawapan yang sedemikian jelas menunjukkan bahawa calon tidak dapat mengesahkan mesej penulis. Hal ini menyebabkan mereka tidak mendapat sebarang markah. Contoh jawapan yang diberikan oleh calon adalah seperti yang berikut:

- (a) Permainan video mestilah difikirkan oleh pihak tertentu.
- (b) Ketagihan bermain permainan video memeningkan kepada ibu bapa.
- (c) Bermain video digital menyebabkan kanak-kanak hilang minat dalam pembelajaran.

- (d) Penciptaan permainan video memerlukan kemahiran yang tinggi.
- (e) Permainan video menyebabkan pemain leka bermain di alam maya.
- (f) Mesej yang hendak disampaikan oleh penulis dalam petikan di atas ialah tentang permainan video dalam kalangan masyarakat.
- (g) Ibu bapa jangan membiarkan anak-anak berterusan bermain dengan teknologi dan masyarakat harus menggunakan teknologi dengan stabil agar tidak ditenggelami dengan teknologi yang semakin moden.
- (h) Nilai eksport permainan video semakin bertambah dan perkembangan teknologi.

## Soalan 24

Soalan ini menghendaki calon menjelaskan peranan yang boleh dimainkan oleh pelbagai pihak dalam usaha untuk menangani masalah ketagihan bermain permainan video. Panjang jawapan calon hendaklah tidak melebihi 150 patah perkataan. Markah penuh untuk soalan ini ialah 20 markah. Calon seharusnya menjawab soalan ini dengan mengemukakan isi utama, huraian isi utama, contoh, dan huraian contoh. Contoh isi utama yang tepat untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

- (a) Individu perlu mengawal keinginan untuk bermain permainan video.
- (b) Ibu bapa perlu memantau anak-anak.
- (c) Masyarakat harus memberikan kerjasama dalam menyelesaikan masalah yang berkenaan.
- (d) Guru harus memupuk kesedaran dalam diri murid.
- (e) Media massa mestilah memfokuskan isu tentang keburukan ketagihan bermain permainan video.
- (f) Kerajaan perlu mengawal kemasukan permainan video.

Calon yang berprestasi tinggi dapat menjawab soalan ini dengan tepat. Mereka dapat mengemukakan tiga peranan yang dapat dimainkan oleh pihak-pihak tertentu, misalnya ibu bapa, pihak sekolah, pihak kerajaan, dan diri individu itu sendiri untuk mengatasi masalah ketagihan bermain permainan video digital. Calon dapat memberikan huraian dan contoh yang sesuai bagi setiap isi yang dikemukakan. Contoh jawapan calon adalah seperti yang berikut:

- (a) Ibu bapa harus mengawal anak-anak dalam bermain permainan video (isi utama). Jadual yang sesuai patut disediakan dan ibu bapa hendaklah memastikan dan anak-anak mematuhiinya (huraian isi utama). Ibu bapa mesti menentukan masa anak-anak bermain permainan video lebih pendek daripada menjalani aktiviti lain, seperti bermain, berehat bersama-sama keluarga, dan mengulang kaji pelajaran (contoh). Dengan demikian, masa anak-anak akan digunakan secara berfaedah (huraian contoh).
- (b) Di sekolah, guru-guru harus mengingatkan pelajar supaya tidak menghabiskan masa dengan bermain permainan video (isi utama). Hal ini dikatakan demikian kerana permainan video boleh mendatangkan banyak kesan negatif (huraian isi utama). Guru harus bijak mengalihkan perhatian pelajar kepada aktiviti lain yang berfaedah (contoh), misalnya bermain permainan tradisional (huraian contoh).
- (c) Kerajaan perlu mengawal kemasukan permainan video dari luar negara yang mungkin boleh membahayakan anak-anak (isi utama). Permainan video yang diimport ada yang menunjukkan aksi ganas yang tidak sesuai dengan masyarakat kita (huraian isi utama). Ini boleh merosakkan akhlak anak-anak kita (contoh). Oleh itu, kumpulan yang sesuai untuk mengurangkannya wajar diadakan (huraian contoh).

Calon yang lemah memberikan peranan yang tiada kaitan dengan kehendak soalan. Huraian yang diberikan pula tidak berfokus kepada isi utama yang dikemukakan dan contohnya juga tidak sesuai. Kelemahan calon untuk memberikan isi utama yang tepat, diikuti dengan huraian isi yang sesuai, berserta dengan contoh dan huraian contoh yang relevan menyebabkan mereka mendapat markah yang rendah untuk soalan ini. Contoh jawapan yang kurang tepat adalah seperti yang berikut:

- (a) Ibu bapa perlu mendidik anak-anak mereka (isi utama). Mereka perlu mendidik anak-anak agar memfokuskan waktu belajar dan mlarang anak bermain permainan video (huraian isi utama). Ibu bapa boleh buat jadual waktu untuk bermain, mementingkan aspek belajar di sekolah (contoh) supaya nanti menjadi individu yang berjaya pada masa hadapan (huraian contoh).
- (b) Selain itu mengadakan kempen kesedaran juga merupakan peranan pelbagai pihak dalam usaha menangani masalah itu (isi utama). Sebagai contoh, kempen itu perlu berkaitan dengan kebaikan dan keburukan bermain permainan video digital itu (huraian isi utama). Hal ini dikatakan demikian bagi membantu untuk mengurangkan kadar anak muda pada masa ini terus terpengaruh dengan permainan digital itu (contoh).

Contoh isi lain yang tidak tepat adalah seperti yang berikut:

- (a) Ibu bapa hendaklah selalu membawa anak-anak bercuti supaya mereka tidak leka dengan permainan digital.
- (b) Kerajaan mestilah mendenda ibu bapa yang memberikan telefon yang mempunyai aplikasi permainan video kepada anak-anak.
- (c) Pihak sekolah mestilah mengadakan banyak aktiviti kokurikulum.
- (d) Aktiviti sukan mestilah digiatkan dalam kalangan kanak-kanak.
- (e) Permainan tradisional, seperti permainan gasing, wau, congkak, dan sepak takraw.
- (f) Masyarakat mestilah menunjukkan contoh yang baik dalam kehidupan dan membuat pemeriksaan terhadap telefon bimbit yang digunakan anak-anak.

## **BAHAGIAN C: Penulisan Esei Tidak Berformat**

### **Komen am**

Dalam bahagian ini, calon dikehendaki menjawab satu daripada tiga soalan esei yang diberikan. Markah penuh bagi bahagian ini ialah 50 markah. Calon perlu menulis satu esei yang panjangnya antara 600 hingga 650 patah perkataan berdasarkan soalan yang dipilih. Secara keseluruhannya, prestasi calon untuk bahagian ini adalah sederhana. Calon yang berprestasi tinggi berjaya memperoleh markah melebihi 35. Mereka dapat mengemukakan isi yang tepat dan mencukupi dari segi jumlah isi yang diperlukan. Mereka dapat memperkembang isi utama dengan jelas, teratur, berkesan, dan meyakinkan. Bahasa mereka juga lancar dan gramatis. Calon juga mampu menggunakan kosa kata dan istilah-istilah khusus yang sesuai dengan soalan yang dipilih. Calon yang berprestasi tinggi ini juga dapat menulis esei yang panjangnya menepati kehendak soalan. Mereka nyata membuat perancangan yang baik dan mampu menghasilkan esei yang menepati ciri wacana yang utuh.

Calon yang sederhana prestasinya pada umumnya dapat memberikan isi yang relevan, tetapi jumlah isinya adalah antara tiga hingga empat isi sahaja. Huraian yang dikemukakan pula adalah sederhana sahaja. Kelemahan mereka yang utama ialah mereka tidak dapat menghuraikan isi dengan kukuh dan mantap serta relevan dengan isi utama yang dikemukakan. Dengan kata lain, huraian yang dikemukakan tidak menyokong isi utama, iaitu faedah bagi sesuatu amalan, langkah untuk meningkatkan sesuatu amalan, punca dan kesan sesuatu kejadian, atau kebaikan sesuatu usaha (bergantung pada soalan yang dipilih).

Calon yang lemah pula tidak dapat memberikan isi yang relevan, jelas, dan bernes. Isi yang dikemukakan kurang tepat, berulang, dan tidak menunjukkan kematangan sebagai calon prauniversiti. Jumlah isi yang dikemukakan juga tidak mencukupi. Huraian yang dikemukakan pula lemah, di samping terdapat huraian yang bertindan dan ada huraian yang tidak relevan dengan isi utamanya.

Dari segi bahasa, prestasi kebanyakan calon adalah lemah. Kebanyakan calon mendapat 3 atau 4 markah daripada markah penuh untuk aspek bahasa, iaitu 15 markah. Calon jelas tidak menguasai kemahiran membina ayat dengan betul. Kebanyakan ayat yang dibina merupakan ayat tergantung, ayat yang panjang berjela-jela, dan ayat yang tidak jelas subjek dan predikatnya. Ada ayat yang dibina tidak mendukung makna yang jelas dan mengandungi pelbagai kesalahan, seperti kesalahan frasa, kesalahan penggunaan imbuhan, kesalahan diksi, kesalahan ejaan, kesalahan tanda baca, dan kesalahan-kesalahan bahasa yang lain. Contoh ayat yang dibina oleh calon adalah seperti yang berikut:

- (a) Membuang sampah sarap ke dalam longkang atau saliran air.
- (b) Seterusnya ialah, punca kejadian banjir kilat sering berlaku di negara kita ialah giatnya aktiviti pelancongan.
- (c) Namun ada lakaran suram yang menyelubungi kita bahawa ada pandangan yang menyatakan bahawa semangat kejiranan dalam kalangan masyarakat Malaysia kini dikatakan semakin terhakis ibarat segan mati tak mahu.
- (d) Hal ini dikatakan demikian kerana melalui amalan ini, darjat dan pangkat seseorang bukanlah menjadi sesuatu yang menghalang daripada bergaul dengan orang lain dek ingin mencapai yang sama, iaitu mewujudkan kawasan perumahan yang selamat, ceria, dan selesa.

Contoh ayat di atas jelas menunjukkan bahawa calon tidak menguasai kemahiran membina ayat yang betul. Ayat yang dibina adalah salah dari segi binaannya dan ada ayatnya yang tidak mempunyai makna yang jelas. Contoh kesalahan bahasa yang lain yang dikesan dalam eseai calon adalah seperti yang berikut:

- (a) Kesalahan ejaan, contohnya:  
walaubagaimanapun, sekligus, ibubapa, bermainan, tinggit, kas, vedio, menguriskan, menghadkan, gotong royong, kenaikan, di tingkatkan, semulajadi
- (b) Kesalahan penggunaan kata pemeri, contohnya:  
...ialah menyebabkan banjir, ...adalah berlaku, ...adalah merupakan tugas
- (c) Kesalahan imbuhan, contohnya:  
pemparitan, mempergiatkan, perlaksanaan, menambahi, memperlukan, diperbesarkan
- (d) Kesalahan kerana lewah, contohnya:  
...antara punca-punca, ...punca yang menyebabkan, ...akibat daripada, ...kesemua longkang-longkang dan parit-parit
- (e) Kesalahan penggunaan kata hubung berpasangan, contohnya:
  - (i) Perbuatan masyarakat yang membuat sampah di merata tempat bukan sahaja menyebabkan longkang tersumbat, juga menyebabkan berlaku banjir kilat.
  - (ii) Semua rakyat sama ada di bandar maupun desa digesa untuk mengamalkan semangat berjiran dalam kehidupan.
  - (iii) Semakin lama ketagihan permainan video makin menjadi-jadi.
- (f) Kesalahan penggunaan kata hubung pada awal ayat dalam ayat susunan biasa, contohnya:
  - (i) Manakala import kereta dapat dikurangkan.
  - (ii) Dan ini menambahkan peluang pekerjaan kepada penduduk.
  - (iii) Malahan anak-anak patut dilatih supaya menghormati jiran.
  - (iv) Lantaran itu longkang selalu tersumbat.
- (g) Kesalahan penggunaan penanda wacana, contohnya:
  - (i) Bukan itu sahaja, fenomena ini turut menyebabkan berlaku kematian mangsa banjir.
  - (ii) Selain daripada itu, pembangunan drastik juga punca yang menyebabkan berlakunya banjir kilat.
  - (iii) Seterusnya, guru juga hendaklah berusaha membantu pelajar yang ketagihan.
  - (iv) Oleh itu, terdapat pelbagai langkah untuk menambah amalan hidup berjiran.

- (h) Kesalahan ayat pasif kata ganti nama diri orang ketiga, contohnya:
- Banjir akan menyebabkan kerugian kerana wang yang kerajaan belanjakan untuk memperbaiki kerosakan adalah tinggi.
  - Sehubungan dengan itu, jiran akan mengenali semua orang di kawasan yang mereka diam.
- (i) Kesalahan penggunaan peribahasa yang tidak relevan, contohnya:
- Oleh itu banjir kilat bukan sahaja menyebabkan mangsa banjir terancam malah memusnahkan harta benda mangsa bak kata pepatah sambil menyelam minum air.
  - Mereka pastinya tidak menginginkan seorang bagi setitik nila merosakkan susu sebelanga dalam keharmonian dan keamanan tempat tinggal mereka.
  - Tanpa hemat semangat hidup berjiran di kawasan perumahan kita menjadi katak di bawah tempurung.
  - Kita juga dianggap sebagai enggang dalam semak melepaskan pucuk masing-masing.

Dari segi persempahanan, calon yang berprestasi tinggi berupaya menulis esei dengan kemas dan berkesan. Esei mereka menyerlahkan ciri kohesi dan koheren dengan baik sekali. Panjang esei juga menepati jumlah patah perkataan yang diperlukan, iaitu antara 600 hingga 650 patah perkataan. Calon yang lemah pula jelas tidak menguasai kemahiran mengarang. Mereka menulis esei tanpa perancangan, dan hal ini menyebabkan mereka menulis apa-apa sahaja yang terlintas di fikiran mereka. Akibatnya, terhasillah satu perenggan yang memuatkan isi lebih daripada satu, atau isi yang sama diulang dalam perenggan yang berbeza.

Dari segi pengolahan, kebanyakan calon dapat mengolah isi secara sederhana. Huraian yang dikemukakan tidak cukup meyakinkan untuk menyokong isi utama yang diberikan oleh mereka. Ada calon yang mengulang-ulang huraian. Dari segi pemerenggan, ada calon yang membahagikan perenggan esei dengan baik sekali. Calon sebegini bijak menyeimbangkan bilangan patah perkataan untuk setiap perenggan. Hasilnya, setiap perenggan isi disusun dengan kemas. Namun demikian, ada calon yang tidak membahagikan perenggan dengan seimbang. Mereka menulis perenggan pendahuluan sehingga 120 patah perkataan, diikuti dengan perenggan isi yang hanya ada 60 patah perkataan. Ada segelintir calon yang menulis esei yang terlalu panjang, melebihi 650 patah perkataan. Hal ini merugikan calon kerana bahagian esei yang melebihi 650 patah perkataan tidak akan dinilai. Selain itu, ada calon yang menulis esei yang panjangnya kurang daripada 300 patah perkataan. Hal ini menyebabkan markah bahasa dan markah pengolahan yang diperoleh amat rendah.

### **Komen soalan demi soalan**

#### **Soalan 25**

Soalan ini menghendaki calon menghasilkan sebuah esei tentang faedah amalan hidup berjiran dan langkah yang boleh diambil untuk meningkatkan amalan tersebut di negara ini. Antara isi yang relevan dengan tajuk esei ini adalah seperti yang berikut:

- Faedah amalan hidup berjiran
  - Mengeratkan silaturahim dalam kalangan anggota masyarakat
  - Menjamin keselamatan anggota masyarakat; mengurangkan masalah jenayah apabila jiran saling bekerjasama
  - Memudahkan pelaksanaan sesuatu aktiviti dengan bantuan jiran di samping menjimatkan masa dan kos
  - Meningkatkan imej masyarakat
  - Memupuk perpaduan dalam kalangan anggota masyarakat

- (b) Langkah untuk meningkatkan amalan hidup berjiran
- Mendekatkan diri dengan jiran tetangga
  - Mendidik anak-anak tentang amalan hidup berjiran
  - Mengadakan aktiviti kemasyarakatan yang melibatkan amalan kejiranan secara berterusan
  - Mendidik anak-anak tentang amalan hidup berjiran
  - Mewujudkan kumpulan media sosial untuk masyarakat setempat

Calon yang memahami tajuk eseи ini dan mempunyai kemahiran mengarang dapat menulis eseи yang baik dan memperoleh markah melebihi 30. Mereka dapat menjelaskan faedah mengamalkan semangat kejiranan dalam kalangan masyarakat, misalnya dapat memperkuuh perpaduan antara kaum, dapat mengurangkan masalah jenayah di kawasan perumahan, dapat kenal-mengenal akan budaya masing-masing, dapat bantu-membantu semasa dalam kesulitan, dan dapat sama-sama meningkatkan imej masyarakat setempat. Calon juga dapat mengemukakan isi tentang langkah untuk meningkatkan amalan berjiran, antaranya mengadakan pelbagai aktiviti yang dapat disertai oleh penduduk di kawasan perumahan, mengamalkan sifat ramah mesra, menggerakkan aktiviti rukun tetangga, dan mengadakan hubungan berkumpulan melalui media sosial. Semua isi yang dikemukakan disokong dengan huraian dan contoh yang relevan.

Calon yang lemah sukar untuk memperoleh markah yang tinggi. Mereka tidak mampu untuk menghuraikan isi dengan berfokus kepada isi utama. Ada calon yang walaupun mampu memberikan isi utama dengan tepat, namun mereka tidak dapat menghuraikan isi tersebut dengan kemas dan utuh. Contohnya adalah seperti yang berikut:

Faedah hidup berjiran ini ialah dapat mengeratkan hubungan silaturahim antara kaum. Jiran yang berbilang kaum akan datang memberi pertolongan apabila kita dalam keadaan susah dan mereka orang yang pertama apabila kita memerlukan sesuatu pertolongan. Sebarang masalah juga dapat selesai dengan mudah dengan adanya jiran lebih-lebih lagi jiran yang terbuka untuk menerima masalah yang menimpa kita. Apabila kita meminta tolong mereka akan datang walaupun pada waktu tengah malam. Mereka dapat memberikan pertolongan dalam cara seperti menjaga rumah kita masa kita tiada atau bercuti.

Ada sesetengah calon yang tidak dapat memberikan isi yang mencukupi, di samping ada calon yang mengemukakan isi yang berulang atau bertindan. Sebagai contoh, calon mengemukakan beberapa langkah tetapi hanya berkaitan dengan aktiviti sosial, seperti mengadakan gotong-royong, kunjung-mengunjung sewaktu hari perayaan, dan melawat rumah jiran ketika mereka sakit. Hal ini menyebabkan calon tidak mendapat markah yang tinggi kerana isi berkenaan dianggap sebagai lanjutan daripada isi utama, iaitu menjalankan aktiviti yang melibatkan semua jiran di kawasan perumahan. Selain itu, ada calon yang mengemukakan isi yang kurang relevan dengan tajuk eseи. Contohnya adalah seperti yang berikut:

- (a) Faedah amalan hidup berjiran
- Dapat mengelakkan pergaduhan antara sesama jiran
  - Rakyat dapat hidup aman harmoni, aman, dan sentosa
  - Meningkatkan ekonomi keluarga apabila jiran membeli barang jualan kita
  - Dapat menjamin perkembangan negara
  - Meningkatkan sektor pelancongan
- (b) Langkah untuk meningkatkan amalan hidup berjiran
- Pihak kerajaan hendaklah membina rumah yang berdekatan
  - Mewajibkan penduduk setempat mengadakan aktiviti sosial bersama-sama
  - Berkongsi makanan dengan jiran
  - Beriadah bersama-sama rakan tetangga

## Soalan 26

Soalan ini menghendaki calon menghasilkan sebuah esei tentang punca kejadian banjir kilat di negara ini dan kesannya. Antara isi yang relevan dengan tajuk esei ini adalah seperti yang berikut:

- (a) Punca kejadian banjir kilat
  - (i) Hujan lebat yang berterusan
  - (ii) Proses pembangunan yang tidak dirancang secara sistematik
  - (iii) Pembuangan sampah sarap ke dalam sungai dan longkang
  - (iv) Pemusnahan kawasan hutan secara berleluasa
  - (v) Sistem perparitan dan saliran yang tidak sempurna
  
- (b) Kesan-kesan banjir kilat
  - (i) Menyebabkan kerugian dari segi harta benda
  - (ii) Menjejaskan aktiviti harian penduduk
  - (iii) Menyebabkan penularan penyakit
  - (iv) Menyebabkan kematian
  - (v) Menyebabkan kesesakan lalu lintas

Calon yang memilih soalan ini dapat menulis esei dengan baik. Mereka dapat mengemukakan punca banjir kilat yang kerap berlaku di negara ini. Calon dapat membezakan banjir kilat dengan banjir pada musim tengkujuh. Mereka dapat memberikan contoh-contoh kawasan yang sering dilanda banjir kilat, iaitu di bandar-bandar dan di kawasan perumahan yang berdekatan dengan bandar besar yang pesat membangun. Mereka juga dapat menjelaskan kesan-kesannya, seperti kemusnahan peralatan rumah, kemusnahan kenderaan, terputus hubungan kerana jalan ditenggelami air, dan kemusnahan tanaman.

Namun demikian, calon yang lemah tidak dapat mengemukakan isi yang relevan dengan tajuk esei ini. Ramai antara mereka yang tidak memahami maksud banjir kilat. Mereka menyamakannya dengan banjir besar atau banjir yang berlaku pada musim tengkujuh. Mereka memberikan banyak contoh, punca, dan kesan yang berkaitan dengan banjir yang lazimnya berlaku pada hujung tahun. Mereka memberikan contoh banjir yang berlaku di Kedah, di Terengganu, di Kelantan, dan di Johor. Contoh isi yang dikemukakan oleh calon adalah seperti yang berikut:

- (a) Punca banjir kilat
  - (i) Penebangan hutan secara berleluasa
  - (ii) Pembangunan yang terlalu pesat
  - (iii) Sungai cetek dan pembuangan bahan sisa pertanian ke dalam sungai
  
- (b) Kesan banjir kilat
  - (i) Kepupusan flora dan fauna
  - (ii) Tanah runtuh dan banjir lumpur
  - (iii) Harta benda, tanaman, dan ternakan musnah
  - (iv) Pendapatan negara terjejas
  - (v) Landskap sesuatu kawasan berubah
  - (vi) Ramai yang mati/mangsa terkorban

Dari segi penulisan, ada calon yang menggabungkan isi punca dan isi kesan dalam satu perenggan. Kaedah ini sebenarnya merugikan calon. Calon seharusnya membincangkan isi punca pada bahagian awal karangan, diikuti dengan isi kesan pada bahagian yang seterusnya. Hal ini dikatakan demikian supaya calon dapat memfokuskan huraihan dengan jelas dan utuh bagi satu isi sahaja dalam satu perenggan. Dengan demikian, calon berpeluang untuk mendapat markah yang tinggi untuk aspek pengolahan.

## Soalan 27

Soalan ini menghendaki calon menghasilkan sebuah esei tentang kebaikan yang kita nikmati hasil usaha penghasilan kereta sendiri di negara ini. Antara isi yang relevan dengan tajuk esei ini adalah seperti yang berikut:

- (a) Mewujudkan pelbagai peluang pekerjaan
- (b) Menggalakkan pertumbuhan industri yang berkaitan dengan kenderaan tersebut (pembuatan alat ganti dan penyelenggaraan)
- (c) Menambahkan pendapatan negara melalui kutipan cukai
- (d) Meningkatkan imej/nama baik negara
- (e) Membolehkan rakyat memiliki kereta sendiri kerana harganya lebih berpatutan
- (f) Meningkatkan kemahiran dan teknologi tempatan dalam bidang automotif
- (g) Menambahkan produk eksport dan mengurangkan import kereta
- (h) Memberikan pilihan yang lebih kepada pengguna dalam pembelian kereta
- (i) Menggerakkan perkembangan sektor kewangan dan insurans yang berkaitan dengan kenderaan

Calon yang mempunyai pengetahuan dalam bidang automotif di Malaysia dapat menjawab soalan ini dengan baik. Pada umumnya, mereka dapat mengemukakan lima isi yang relevan, antaranya ialah rakyat Malaysia dapat menggunakan kereta yang canggih, iaitu yang terkini, kereta keluaran Proton model X70 yang dibina dengan sistem pengecaman suara, lebih ramai penduduk mampu memiliki kereta sendiri kerana harganya berpatutan, usaha penghasilannya dapat menambah bakat dan kepakaran tenaga kerja tempatan, dapat meningkatkan ekonomi negara, memartabatkan nama dan imej negara, dan berupaya menjana peluang pekerjaan kepada rakyat. Setiap isi yang dikemukakan disertai dengan huraian dan contoh yang bersesuaian. Ini menunjukkan bahawa calon benar-benar mempunyai pengetahuan mengenai tajuk esei ini.

Calon yang lemah dapat memberikan isi namun mereka tidak dapat mengembangkan isi tersebut dengan mantap dan berfokus. Selain itu, ada calon yang mengemukakan isi yang kurang tepat, contohnya:

- (a) Dengan adanya industri itu kita boleh mengadakan hubungan diplomatik dengan negara luar
- (b) Menarik pelabur asing untuk melabur di Malaysia
- (c) Memudahkan urusan rakyat
- (d) Dapat bersaing dengan negara luar

# BAHASA MELAYU (910/2)

## PRESTASI KESELURUHAN

Pada Semester 2, sebanyak 29 576 calon menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran ini dan 65.38 peratus daripadanya telah mendapat lulus penuh.

Peratusan calon mengikut gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	10.80	7.71	5.91	10.27	11.26	7.74	11.69	3.99	7.53	3.46	19.64

## RESPONS CALON

### BAHAGIAN A: Aneka Pilihan

#### Kunci jawapan

Nombor Soalan	Kunci Jawapan	Nombor Soalan	Kunci Jawapan	Nombor Soalan	Kunci Jawapan
1	<b>C</b>	11	<b>B</b>	21	<b>D</b>
2	<b>C</b>	12	<b>B</b>	22	<b>C</b>
3	<b>D</b>	13	<b>B</b>	23	<b>A</b>
4	<b>C</b>	14	<b>A</b>	24	<b>B</b>
5	<b>D</b>	15	<b>D</b>	25	<b>A</b>
6	<b>B</b>	16	<b>D</b>	26	<b>A</b>
7	<b>C</b>	17	<b>B</b>	27	<b>C</b>
8	<b>D</b>	18	<b>B</b>	28	<b>A</b>
9	<b>A</b>	19	<b>C</b>	29	<b>B</b>
10	<b>D</b>	20	<b>A</b>	30	<b>C</b>

#### Komen am

Secara keseluruhannya, prestasi calon dalam bahagian A bagi semester ini adalah baik. Terdapat seramai 94 calon yang memperoleh markah tertinggi, iaitu 30 markah, manakala seramai 110 orang calon mendapat markah terendah, iaitu 0 markah.

Berdasarkan respons calon, didapati bahawa soalan 2, 20, 23, 26, dan 27 merupakan soalan yang mudah kerana lebih 70 peratus calon dapat menjawabnya dengan betul. Soalan-soalan yang lain pula merupakan soalan yang sederhana bagi calon.

## BAHAGIAN B: Struktur

### Komen am

Dalam bahagian ini, calon dikehendaki untuk menjawab semua soalan yang diberikan. Markah penuh untuk bahagian ini ialah 30 markah. Secara keseluruhannya, prestasi calon dalam bahagian B adalah sederhana. Tidak ramai calon yang mendapat markah melebihi 20. Kebanyakan calon berusaha untuk menjawab setiap soalan dan tidak ramai calon yang membiarkan ruang jawapan tidak berjawab. Namun demikian, jawapan yang diberikan oleh calon untuk soalan tertentu memperlihatkan penguasaan tatabahasa dan persediaan mereka untuk menghadapi peperiksaan tidak begitu memuaskan. Hanya sebilangan kecil calon dapat menjawab soalan dengan baik, manakala sebahagian besar calon yang lain berada pada tahap sederhana dan lemah.

Bagi calon yang berprestasi tinggi, jawapan yang diberikan oleh mereka menunjukkan bahawa mereka menguasai aspek morfologi dan sintaksis bahasa Melayu mengikut skop dalam sukan Bahasa Melayu STPM. Hal ini bermakna calon dapat memahami topik yang dipelajari dan mereka juga memahami kehendak soalan. Calon kategori ini berjaya menyatakan konsep tatabahasa dengan tepat, memberikan contoh yang relevan, menganalisis frasa mengikut golongan dan jenisnya, menukar dan membina ayat berdasarkan bentuk kata dan ketetapan rumus yang tertentu, serta teliti dalam penulisan ayat.

Bagi calon yang lemah pula, berdasarkan jawapan yang diberikan, mereka nampaknya tidak menguasai pengetahuan tatabahasa yang terdapat dalam sukan pelajaran. Hal ini dikatakan demikian kerana ada calon mereka-reka istilah sendiri dan ada istilah yang bercampur aduk, contohnya “alomorfem” dan “kata nama am tunjuk subjek”. Di samping tidak menguasai pengetahuan tatabahasa, jawapan calon juga menunjukkan bahawa mereka tidak teliti untuk memahami kehendak soalan. Sebagai contoh, untuk soalan yang menghendaki calon memberikan konsep sebagai jawapan, mereka memberikan jawapan dalam bentuk huraian. Calon juga kehilangan markah kerana meninggalkan unsur dalam soalan yang sepatutnya disalin sepenuhnya dalam jawapan. Selain itu, ayat yang dibina oleh mereka pula mempunyai kesalahan semantik. Hal ini jelas terlihat pada soalan yang menghendaki calon menukar ayat aktif kepada ayat pasif dan juga soalan yang memerlukan calon membina ayat.

Sesetengah calon yang sangat lemah pula langsung tidak memberikan apa-apa jawapan dan hanya membiarkan ruang jawapan itu kosong, khususnya untuk soalan analisis kesalahan bahasa. Ada antara mereka yang cuba untuk memberikan jawapan, namun jawapan berkenaan tidak lengkap, tidak munasabah, dan ada yang tidak berkaitan dengan kehendak soalan. Dari aspek penulisan jawapan, ramai calon yang cuai dalam penggunaan tanda baca. Sebagai contoh, calon menulis ayat dengan dimulai dengan huruf kecil dan tiada noktah. Hal ini menyebabkan mereka tidak mendapat sebarang markah walaupun ayat yang dibina itu gramatis.

### Komen soalan demi soalan

#### Soalan 31

Soalan ini terbahagi kepada 31(a) dan 31(b), berdasarkan jadual yang berikut:

X	Y
peN-	pe- pem- pen- peng- peny- enge-

Soalan 31(a) menghendaki calon menyatakan konsep bagi *Y*, manakala soalan 31(b) menghendaki calon memberikan satu contoh perkataan yang mengandungi unsur dalam *Y*. Jawapan yang tepat untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

- (a) Alomorf
- (b) Pewarna/pembaris/pendua/penghadang/penyapu/pengecas

Kebanyakan calon dapat mengenal pasti *Y* sebagai alomorf dan sebahagian daripada mereka dapat memberikan konsep alomorf. Hal ini menunjukkan bahawa calon dapat mengenal pasti istilah “alomorf” yang ditanyakan dalam soalan walaupun istilah berkenaan tidak dizahirkan dalam soalan. Calon juga dapat memberikan contoh perkataan yang menggunakan alomorf dengan tepat. Ini bermakna calon faham cara penggunaan alomorf untuk membentuk kata terbitan.

Namun demikian, ada calon yang tidak dapat menjawab soalan ini. Mereka tidak dapat memberikan konsep alomorf. Kebanyakan mereka tahu bahawa *Y* ialah alomorf namun mereka tidak dapat menyatakan konsepnya. Sesetengah jawapan yang diberikan menunjukkan bahawa ada calon yang langsung tidak mempunyai pengetahuan tentang alomorf. Mereka memberikan huraian atau definisi yang langsung tidak menyebut konsep alomorf. Ada calon yang memberikan rumus pembentukan kata dan mereka-reka konsep sendiri sebagai jawapan. Ada juga calon yang tersilap meneja alomorf, sebagai alamorf/alomof. Selain itu, ada calon yang memberikan jawapan yang langsung tiada kaitan dengan alomorf, seperti contoh yang berikut:

- (i) Unit tatabahasa terkecil
- (ii) Menjadi unsur tambahan kepada ayat dasar
- (iii) Penyesuaian unsur kata
- (iv) Morfem terikat satuan
- (v) Pengimbuhan hadapan bagi frasa nama


Untuk soalan 31(b) pula, calon yang lemah memberikan contoh perkataan yang mengandungi apitan *peN-...-an* atau *pe-...-an*, contohnya “penandaan” dan “pelaksanaan”. Hal ini menunjukkan bahawa ada calon yang tidak mengenal imbuhan bahasa Melayu dalam sesuatu perkataan, iaitu sama ada imbuhan tersebut ialah awalan atau apitan.

### Soalan 32

Soalan ini menghendaki calon mengelompokkan perkataan yang diberikan dalam soalan mengikut bentuk katanya dalam ruangan yang disediakan, iaitu seperti yang berikut:

Mengkuang	Jelajah	Sarjana	Tatacara
<i>Bentuk kata</i>			
<i>Kata tunggal</i>		<i>Kata terbitan</i>	
(a) .....	[1]	(a) .....	[1]
(b) .....	[1]	(b) .....	[1]

Jawapan yang tepat untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:



Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan tepat. Mereka dapat membezakan bentuk kata tunggal dan kata terbitan. Calon yang mengenal *tata-* dan *-el*- sebagai imbuhan dalam bahasa Melayu akan mengelaskan perkataan “tatacara” dan “jelajah” sebagai kata terbitan, dan kata “mengkuang” dan “sarjana” sebagai kata tunggal. Namun demikian, ada calon yang tidak dapat mengelompokkan keempat-empat perkataan tersebut mengikut bentuk katanya dengan tepat. Mereka menganggap perkataan “mengkuang” menerima imbuhan *meng-*, lalu mereka mengelompokkannya sebagai kata terbitan, sedangkan ia merupakan kata tunggal. Ada calon yang tidak mengetahui bahawa *tata-* merupakan imbuhan. Oleh sebab itu, mereka mengelompokkan perkataan “tatacara” sebagai kata tunggal. Ada calon yang cuai ketika menjawab soalan. Mereka dapat mengelompokkan kata tunggal “mengkuang” dan “sarjana” dan kata terbitan “jelajah” dan “tatacara”, namun mereka tersilap menulis di ruangan bentuk kata, iaitu kata tunggal ditulis pada ruangan kata terbitan dan kata terbitan ditulis pada ruangan kata tunggal. Kecuaian sedemikian menyebabkan mereka tidak mendapat sebarang markah.

### Soalan 33

Soalan 33 terbahagi kepada dua, iaitu 33(a) dan 33(b), berdasarkan rajah yang berikut:

- (a) Calon dikehendaki untuk membina satu ayat dengan menggunakan perkataan “jaya” setelah diberikan imbuhan kata kerja tak transitif.
- (b) Calon dikehendaki untuk membina satu ayat dengan menggunakan perkataan “raya” setelah mengalami pemajmukan.

Contoh jawapan yang tepat untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

- (a) Pelajar itu berjaya dalam peperiksaan STPM dengan cemerlang.
- (b)
  - (i) Malaysia mengadakan pilihan raya umum setiap lima tahun.
  - (ii) Bandar raya Kuala Lumpur kini semakin sesak.
  - (iii) Bandar raya Kuala Lumpur/Ipoh/Shah Alam/Johor Bahru menjadi tumpuan pelancong.
  - (iv) Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) akan mengadakan operasi untuk merobohkan gerai-gerai tanpa lesen.

Soalan ini mempunyai dua tugas, iaitu (i) calon perlu membentuk perkataan seperti dalam (a) kata kerja tak transitif dan (b) kata majmuk, dan (ii) calon perlu membina ayat dengan menggunakan perkataan tersebut. Bagi soalan (a), calon dapat menerbitkan kata kerja tak transitif “berjaya”, dan mereka juga dapat membina ayat yang gramatis dengan menggunakan perkataan tersebut, contohnya:

- (i) Adik telah berjaya.
- (ii) Syafiq telah berjaya dalam peperiksaan STPM.
- (iii) Mereka berjaya mendapat tempat pertama dalam pertandingan itu.

Untuk soalan (b), sebahagian calon dapat membina ayat yang gramatis dengan menggunakan kata majmuk yang diterbitkan daripada perkataan “raya”, contohnya:

- (i) Bandar raya Ipoh sangat cantik.
- (ii) Jalan raya itu belum diselenggara oleh pihak yang bertanggungjawab.
- (iii) Negeri Sabah akan mengadakan pilihan raya pada tahun ini.

Namun demikian, ada calon yang tidak dapat menjawab soalan ini. Hal ini dikatakan demikian kerana mereka tidak dapat menerbitkan kata seperti yang dikehendaki dalam soalan. Untuk soalan (a), ada calon yang menerbitkan kata kerja transitif, ada yang mengekalkan perkataan “jaya” dalam jawapan, ada yang menerbitkan kata nama dengan meletakkan imbuhan apitan *ke-...-an*, dan ada yang menggunakan perkataan “jaya” sebagai kata nama khas. Contoh jawapan calon adalah seperti yang berikut:

- (i) Aminah menjayakan majlis tersebut.
- (ii) Para pelajar menyiapkan kerja sekolah dengan jaya.
- (iii) Kejayaan Ahmad amat membanggakan.
- (iv) Syarikat Teguh Jaya beroleh keuntungan satu juta.

Untuk soalan (b) pula, calon tidak dapat membentuk kata majmuk. Ada yang membentuk kata ganda, ada yang membina frasa, dan ada yang menerbitkan kata kerja transitif. Selain itu, ada calon yang dapat membentuk kata majmuk namun dieja rapat. Contoh jawapan calon adalah seperti yang berikut:

- (i) Pak Mail seorang yang kaya-raya.
- (ii) Emak mengambil upah menjahit baju raya.
- (iii) Esok kami akan merayakan hari jadi adik.
- (iv) Lebuhraya itu kembali sesak.

Untuk kedua-dua soalan (a) dan (b) ini, walaupun ayat yang dibina adalah gramatis, calon tidak diberikan markah sekiranya mereka tidak dapat menerbitkan kata kerja tak transitif dan kata majmuk seperti yang dikehendaki dalam soalan.

### Soalan 34

Soalan ini menghendaki calon menyatakan istilah bagi (a) dan (b) seperti yang berikut:

- |     |                 |
|-----|-----------------|
| (a) | rumah besar itu |
| (b) | rumah itu besar |

Jawapan yang tepat untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

- (a) Frasa
- (b) Klausa

Calon yang memahami konsep frasa dan klausa dapat menjawab soalan ini dengan tepat. Namun demikian, kebanyakan calon tidak dapat memberikan istilah yang tepat untuk (a) dan (b). Mereka memberikan jawapan yang tidak menepati kehendak soalan. Jawapan yang diberikan menunjukkan bahawa tahap penguasaan tatabahasa mereka adalah amat lemah. Antara contoh jawapan calon adalah seperti yang berikut:

- (a) (i) Penggunaan itu untuk menunjukkan objek yang jauh
- (ii) Istilah ayat majmuk
- (iii) Frasa nama
- (iv) Subjek

- (b) (i) Penggunaan itu menerangkan sesuatu objek  
(ii) Istilah pengakroniman  
(iii) Penerang frasa nama  
(iv) Predikat

### Soalan 35

Soalan ini terbahagi kepada 35(a) dan (b). Soalan 35(a) menghendaki calon menyatakan jenis frasa yang berhuruf condong dalam ayat yang berikut:

(i)	Tubuhnya berlumuran <i>dengan lumpur</i> ketika ditemui.
(ii)	Pekerja itu <i>masih belum mahir</i> .

Jawapan yang tepat untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

- (i) Frasa sendi nama  
(ii) Frasa adjektif

Calon yang berprestasi tinggi dapat menjawab soalan ini dengan tepat. Mereka dapat membezakan jenis frasa berdasarkan binaannya. Namun demikian, kebanyakan calon tidak dapat mengenal pasti kedua-dua jenis frasa tersebut. Hal ini dikatakan demikian kerana mereka tidak mengetahui ciri-ciri frasa. Contoh jawapan calon adalah seperti yang berikut:

- (i) Frasa keterangan/frasa eksosentrik/frasa nama/frasa sendi/pembentukan ayat  
(ii) Frasa nama/frasa endosenstrik/frasa keterangan/frasa pelengkap/frasa tak transitif

Soalan 35(b) pula menghendaki calon menulis dua frasa nama yang terdapat dalam ayat yang berikut:

Ketika rombongan artis jemputan itu mengadakan persembahan nyanyian, tetamu kehormat bertepuk tangan tanda terpesona.

Antara jawapan yang tepat untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

- (i) rombongan artis jemputan itu  
(ii) persembahan nyanyian  
(iii) tetamu kehormat

Kebanyakan calon dapat mengenal pasti frasa nama “tetamu kehormat”. Hanya sebilangan kecil calon dapat mengenal pasti frasa nama “rombongan artis jemputan itu” dan “persembahan nyanyian”. Ramai calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan tepat. Kelemahan yang ketara ialah mereka tidak menulis frasa nama yang lengkap. Ada calon yang tidak menulis frasa sebaliknya mereka menulis klausa. Ada pula calon yang bukan menulis frasa sebaliknya mereka menulis jenis frasa. Contoh jawapan calon adalah seperti yang berikut:

- (a) (i) artis  
(ii) tangan
- (b) (i) artis jemputan itu  
(ii) ketika rombongan artis jemputan
- (c) (i) rombongan artis jemputan itu mengadakan persembahan nyanyian  
(ii) tetamu kehormat bertepuk tangan tanda terpesona
- (d) (i) FN Aktif Transitif  
(ii) FN Aktif Transitif

- (e) (i) Frasa sendi nama  
(ii) Frasa nama khas

### Soalan 36

Soalan ini menghendaki calon menukarkan ayat aktif yang berikut kepada ayat pasif:

- (a) Saya membeli baju yang berwarna merah jambu itu.  
(b) Ibu menghidangkan nasi lemak kepada kami.

Contoh jawapan yang tepat untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

- (a) (i) Baju yang berwarna merah jambu itu saya beli.  
(ii) Saya beli baju yang berwarna merah jambu itu.  
(b) (i) Nasi lemak dihidangkan oleh ibu kepada kami.  
(ii) Nasi lemak dihidangkan ibu kepada kami.  
(iii) Nasi lemak dihidangkan kepada kami oleh ibu.  
(iv) Kepada kami nasi lemak dihidangkan oleh ibu.  
(v) Kepada kami nasi lemak dihidangkan ibu.

Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan tepat. Mereka dapat membina ayat pasif dengan betul, berdasarkan ayat aktif yang diberikan dalam soalan. Namun demikian, terdapat juga calon yang tidak dapat menjawab soalan ini. Kelemahan calon untuk menjawab soalan ini menunjukkan bahawa mereka tidak menguasai ragam ayat pasif. Antara kelemahan calon ketika menjawab soalan ini adalah seperti yang berikut:

<i>Bil.</i>	<i>Kelemahan</i>	<i>Contoh jawapan calon</i>
1	Calon tidak dapat membezakan ayat pasif kata ganti nama diri orang pertama dengan orang ketiga.	(a) Baju yang berwarna merah jambu itu dibeli oleh saya. (b) Nasi lemak ibu hidangkan kepada kami.
2	Calon menggugurkan perkataan atau menambah perkataan apabila mempasifik ayat tersebut.	(a) Baju berwarna merah jambu itu saya beli. (b) Nasi lemak itu ibu hidang kepada kami.
3	Calon memisahkan frasa bagi ayat (b).	Kami dihidangkan nasi lemak oleh ibu.
4	Calon mengubah maksud ayat.	(b) (i) Nasi lemak yang dihidangkan oleh ibu diberikan kepada kami. (ii) Ibu telah siap menghidangkan nasi lemak kepada kami. (iii) Nasi lemak yang dihidangkan ibu untuk kami.
5	Calon membina ayat aktif.	(a) Saya membeli baju. (b) Kepada kami ibu menghidangkan nasi lemak.
6	Calon membina ayat yang tidak gramatis.	(b) (i) Nasi lemak kepada kami dihidangkan ibu. (ii) Kepada kami nasi lemak itu ibu menghidangkan. (iii) Menghidangkan nasi lemak kepada kami ialah ibu.

## Soalan 37

Soalan ini terbahagi kepada 37(a) dan 37(b). Soalan 37(a) menghendaki calon menyatakan jenis ayat majmuk yang berikut:

Bobby memberitahu gurunya bahawa dia terlupa membawa buku latihannya kerana pada pagi itu dia tergesa-gesa ke sekolah.

Jawapan yang tepat untuk soalan ini ialah ayat majmuk campuran. Kebanyakan calon dapat mengenal pasti jenis ayat majmuk ini dengan tepat. Calon yang tidak dapat mengenal pasti jenis ayat majmuk ini memberikan jawapan yang pelbagai, antaranya ayat majmuk kiasan, ayat terbitan, ayat majmuk pancangan komplemen, ayat keterangan waktu, dan ayat majmuk keterangan waktu.

Soalan 37(b) pula menghendaki calon membina satu ayat majmuk dengan menggunakan kata hubung “seperti” dan satu lagi ayat majmuk dengan menggunakan kata hubung “walaupun”. Contoh jawapan yang tepat untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

- (a) (i) Kanak-kanak itu mencebir bibirnya seperti hendak menangis.  
 (ii) Fatin mengusap-usap dahinya seperti sedang mengingati sesuatu.  
 (iii) Dia kebingungan seperti rusa masuk kampung.
- (b) (i) Walaupun susah, dia tetap meneruskan pengajiannya di universiti itu.  
 (ii) Dia tetap meneruskan pengajiannya di universiti itu walaupun susah.  
 (iii) Pemuda itu masih mahu meneruskan perjalannya walaupun hari sudah lewat.  
 (iv) Walaupun badannya letih, dia tetap akan menghadiri majlis itu.

Hanya segelintir calon dapat membina ayat yang gramatis dengan menggunakan kata hubung “seperti”. Hal ni menunjukkan bahawa calon dapat membezakan perkataan “seperti” sebagai kata sendi nama dan sebagai kata hubung. Contoh jawapan calon yang tepat adalah seperti yang berikut:

- (i) Ibu menyayangi adiknya seperti dia menyayangi kakak sulungnya.  
 (ii) Langit kelihatan mendung seperti hari hendak hujan.  
 (iii) Hanis tertunduk-tunduk seperti mencari sesuatu.

Namun demikian, ada calon yang tidak menyedari bahawa mereka menggunakan kata “seperti” sebagai kata sendi nama dalam ayat mereka, contohnya:

- (i) Ana ingin mendapatkan keputusan yang cemerlang seperti kakaknya.  
 (ii) Suara merdunya sama seperti penyanyi terkenal.  
 (iii) Saya menyukai masakan ibu seperti kek batik, gulai ayam, nasi goreng, dan banyak lagi.

Untuk kata hubung “walaupun” pula, kebanyakan calon dapat membina ayat yang gramatis. Mereka dapat menggunakan kata hubung keterangan dalam ayat mereka dengan baik sekali. Contoh jawapan calon adalah seperti yang berikut:

- (i) Perlawanan itu tetap diteruskan walaupun keadaan cuaca kurang baik.  
 (ii) Dia masih tetap berdegil walaupun telah dinasihatkan berkali-kali.  
 (iii) Adik masih belum pulang walaupun hari semakin gelap.

Namun demikian, ada juga calon yang tidak dapat menjawab soalan ini dengan tepat. Antara kelemahan calon adalah seperti yang berikut:

- (a) Membina ayat yang mengandungi kesalahan dari segi semantik, contohnya:
  - (i) Dia sangat gembira walaupun dia telah hilang permainan kegemaran.
  - (ii) Dia pergi ke sekolah walaupun sudah sakit.
  - (iii) Pelajar itu sangat rajin walaupun ibu bapanya telah meninggal dunia.

- (b) Membina ayat yang tidak membawa maksud pertantangan, contohnya:
- Farah tetap tidak cemerlang dalam peperiksaan walaupun kelihatan berat tulang semasa sekolah.
  - Ayah tidak pergi bekerja walaupun ayah tidak sihat.
  - Adik tidak menangis walaupun ibu tidak memarahinya.
- (c) Membina ayat dengan menggunakan kata hubung berpasangan, contohnya:
- Walaupun Sarah lahir daripada keluarga yang susah namun itu tidak melumpuhkan semangatnya untuk terus belajar.
  - Walaupun Seman tidak pandai tetapi dia rajin melakukan ulang kaji mata pelajaran.
  - Walaupun dia pandai tetapi dia kedekut.

### Soalan 38

Soalan ini memerlukan calon menganalisis kesalahan bahasa berdasarkan petikan yang diberikan. Calon hanya perlu menyenaraikan tiga kesalahan bahasa, menjelaskan sebab kesalahan, dan menulis pembetulannya. Petikan yang diberikan adalah seperti yang berikut:

Masyarakat yang mementingkan aspek kebersihan tergolong sebagai masyarakat yang mempunyai kualiti hidup yang tinggi. Malangnya, tahap kebersihan di negara ini, khususnya tempat-tempat awam masih belum mencapai tahap yang diharapkan walaupun kemudahan yang disediakan mencukupi. Keadaan ini telah menjadikan imej negara kita hingga ada yang mengolongkan rakyat kita ini bermentaliti kelas ketiga. Oleh hal yang demikian, kajian yang mendalam tentang punca yang menyebabkan perkara ini perlu dikenal pasti.

Jawapan yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:

<b>Bil.</b>	<b>Kesalahan</b>	<b>Sebab Kesalahan</b>	<b>Pembetulan</b>
(a)	...khususnya tempat-tempat awam...	Kesalahan tidak menggunakan kata sendi nama <i>di</i> untuk merujuk tempat.	...khususnya di tempat-tempat awam...
(b)	mengolongkan	Kesalahan pemilihan alomorf bagi morfem terikat <i>meN-...-kan</i> . Apabila bertemu dengan kata dasar yang dimulai oleh huruf [g], alomorf yang hadir bagi <i>meN-...-kan</i> ialah <i>meng-...-kan</i> .	menggolongkan
(c)	...punca yang menyebabkan perkara ini...	Lewah kerana perkataan <i>punca</i> telah membawa makna <i>yang menyebabkan</i> .	...punca perkara ini...

Prestasi calon untuk soalan ini adalah sederhana. Hanya sebilangan kecil calon dapat mengesan ketiga-tiga kesalahan bahasa yang terdapat dalam petikan tersebut dan membuat pembetulannya. Calon dapat menulis kesalahan yang lengkap berserta dengan pembetulannya yang tepat. Ada antara mereka juga yang dapat menyatakan sebab kesalahan dengan tepat, terutamanya untuk kesalahan tidak menggunakan kata sendi nama “di” dan kesalahan penggunaan alomorf bagi morfem terikat *meN-...-kan*.

Kebanyakan calon hanya dapat mengesan satu atau dua kesalahan dan membuat pembetulannya. Bagi kesalahan ketiga, ramai calon yang tidak dapat mengesannya. Calon juga tidak menjelaskan sebab kesalahan. Ada antara mereka yang memberikan sebab yang terlalu umum, ada yang memberikan sebab

yang tidak berkaitan dengan kesalahan, dan ada yang langsung tidak memberikan sebab kesalahan. Selain itu, ada calon yang mengubah ayat asal petikan dalam pembetulan. Hal ini menyebabkan calon tidak mendapat markah walaupun bahagian ayat yang mengandungi kesalahan itu telah diperbetul. Kelemahan calon yang lain ialah mereka tidak menulis bahagian kesalahan dengan lengkap. Bahagian petikan yang disalin tidak memperlihatkan kesalahan yang lengkap. Ada calon yang hanya menyalin bahagian tertentu dalam petikan sedangkan tiada kesalahan pada bahagian tersebut. Selain itu, calon juga tidak mahir dalam istilah tatabahasa. Contohnya, kata sendi nama “di” ditulis sebagai imbuhan, kata hubung “yang” ditulis sebagai kata majmuk, dan kata ganti nama tunjuk “ini” sebagai kata bantu. Kelemahan yang ditunjukkan dalam bahagian ini memperlihatkan bahawa calon tidak menguasai ilmu morfologi dan sintaksis.

# BAHASA MELAYU (910/3)

## PRESTASI KESELURUHAN

Pada Semester 3, sebanyak 29 227 calon menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran ini dan 64.18 peratus daripadanya telah mendapat lulus penuh.

Peratusan calon mengikut gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	11.01	7.32	5.75	6.53	9.95	13.69	9.93	8.88	12.18	5.56	9.20

## RESPONS CALON

### BAHAGIAN A: Aneka Pilihan

#### Kunci jawapan

Nombor Soalan	Kunci Jawapan	Nombor Soalan	Kunci Jawapan
1	<b>B</b>	11	<b>A</b>
2	<b>C</b>	12	<b>C</b>
3	<b>C</b>	13	<b>B</b>
4	<b>D</b>	14	<b>A</b>
5	<b>D</b>	15	<b>C</b>
6	<b>D</b>	16	<b>B</b>
7	<b>D</b>	17	<b>C</b>
8	<b>B</b>	18	<b>A</b>
9	<b>A</b>	19	<b>C</b>
10	<b>A</b>	20	<b>D</b>

#### Komen am

Secara keseluruhannya, prestasi calon dalam bahagian A bagi semester ini adalah baik. Terdapat 15 calon yang memperoleh markah tertinggi, iaitu 20 markah manakala 26 calon mendapat markah terendah, iaitu 0 markah.

Berdasarkan respons calon, didapati bahawa terdapat dua soalan yang mudah, iaitu soalan 11 dan soalan 14 kerana lebih 70 peratus calon dapat menjawabnya dengan betul. Soalan-soalan lain pula merupakan soalan beraras sederhana bagi calon.

## BAHAGIAN B: Struktur

### Komen am

Dalam bahagian ini, calon dikehendaki untuk menjawab semua soalan yang diberikan. Markah penuh untuk bahagian ini ialah 45 markah. Secara keseluruhannya, prestasi calon dalam bahagian B adalah sederhana. Ada segelintir calon yang dapat menjawab semua soalan dengan baik. Hal ini menunjukkan bahawa calon menguasai topik yang terdapat dalam sukanan pelajaran bagi semester 3.

Kelemahan calon yang ketara ialah mereka memberikan jawapan yang tidak lengkap. Hal ini berkemungkinan kerana mereka tidak pasti jawapan yang tepat untuk sesuatu soalan. Ada calon yang tidak membaca soalan dengan betul, tidak memahami kehendak soalan, dan tidak mematuhi arahan soalan. Hal ini dapat dilihat pada jawapan calon. Kebanyakan calon memberikan jawapan untuk semua soalan, namun ada jawapan yang tidak lengkap dan ada jawapan yang tidak bertepatan dengan kehendak soalan. Terdapat sebilangan kecil calon yang langsung tidak menjawab beberapa soalan.

Contoh kelemahan calon ialah mereka tidak mengingati istilah-istilah bagi bidang tertentu, misalnya istilah makna denotatif dan makna konotatif serta istilah polisemi dan homonim. Hal ini menyebabkan mereka tidak dapat memberikan jawapan yang tepat untuk soalan 29 sedangkan mereka dapat membina ayat yang betul dan dapat memberikan istilah polisemi dan homonim. Kesilapan calon ialah mereka tertukar tempat jawapan, mungkin kerana mereka tertukar makna bagi istilah-istilah tersebut. Selain itu, calon juga tidak mengetahui maksud peribahasa yang betul. Hal ini menyebabkan mereka tidak dapat menjawab soalan 31.

### Komen soalan demi soalan

#### Soalan 21

Soalan ini menghendaki calon memberikan pernyataan yang sesuai bagi *V* untuk melengkapkan konsep wacana yang berikut:

Konsep wacana	
<i>T</i>	Satuan bahasa yang lengkap
<i>U</i>	Butir-butir fikiran yang dikembangkan secara bertautan.
<i>V</i>	.....

Antara jawapan yang tepat untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:


- (a) Melebihi batas ayat
- (b) Diujarkan dalam suatu konteks perlakuan bahasa yang sebenar
- (c) Penggunaan ayat yang bertautan
- (d) Penggunaan bahasa yang berlaku secara berurutan
- (e) Merupakan suatu set ujaran

Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan tepat. Mereka jelas memahami konsep wacana. Namun demikian, ada calon yang tidak dapat menjawab soalan ini. Mereka tidak dapat memberikan pernyataan mengenai konsep wacana. Ada calon yang keliru antara kesinambungan idea dengan ayat yang bertaut. Ini menyebabkan jawapan yang diberikan tidak tepat. Selain itu, ada calon yang memberikan jawapan yang tidak merujuk kepada konsep wacana, sebaliknya merujuk kepada ciri wacana. Contoh jawapan calon yang tidak tepat adalah seperti yang berikut:

- (a) Unit bahasa yang lengkap
- (b) Kesatuan fikiran yang utuh
- (c) Tidak melebihi batas ayat
- (d) Mempunyai kohesi dan koheren
- (e) Mengandungi mesej yang lengkap
- (f) Berfokus kepada satu topik sahaja
- (g) Ideanya berkesinambungan dan tidak melebihi batas ayat, iaitu satu perenggan
- (h) Wacana ialah bab, perenggan, dan buku

## Soalan 22

Soalan ini terbahagi kepada 22(a) dan 22(b). Soalan 22(a) terbahagi kepada 22(a)(i) dan 22(a)(ii), berdasarkan rajah yang berikut:



Soalan 22(a)(i) menghendaki calon menyatakan jenis penanda wacana *W*. Jawapan yang tepat untuk soalan ini ialah penanda penggantian. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan tepat. Hal ini bermakna, calon mengetahui kelima-lima jenis penanda wacana tersebut. Namun demikian, terdapat calon yang tidak dapat menjawab soalan ini. Ada antara mereka yang memberikan jenis penanda penghubung, seperti penanda penghubung tempoh, penanda wacana musabab, dan penanda tambahan. Selain itu, ada calon yang memberikan istilah rekaan sendiri, contohnya penanda penghilangan. Contoh jawapan yang sedemikian menunjukkan bahawa calon tidak menguasai tajuk jenis penanda wacana.

Soalan 22(a)(ii) menghendaki calon membina satu wacana dengan menggunakan penanda wacana *W*. Panjang wacana yang dibina mestilah tidak melebihi 20 patah perkataan. Contoh jawapan yang tepat untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

Penduduk kampung itu akan bergotong-royong pada setiap kali majlis perkahwinan. Amalan tersebut sudah menjadi tradisi sejak sekian lama.

Ramai calon dapat memberikan jawapan yang tepat untuk soalan ini. Mereka dapat membina wacana yang utuh dengan menggunakan penanda wacana penggantian. Contoh jawapan calon adalah seperti yang berikut:

- (a) Membuang sampah di merata-rata tempat perlu dijauhi. Perbuatan negatif ini akan menyebabkan timbulnya pelbagai penyakit.
- (b) Suka berbohong merupakan amalan yang tidak baik. Sikap sedemikian harus dijauhi oleh semua orang.
- (c) Amirah sering mengamalkan sikap tolong-menolong sesama rakannya. Amalan itu merupakan amalan yang baik dan terpuji.

Namun demikian, ada segelintir calon yang tidak dapat menjawab soalan ini. Mereka tidak menggunakan penanda wacana penggantian untuk membina wacana, sebaliknya mereka menggunakan penanda wacana yang lain, seperti penanda rujukan dan penanda leksikal. Hal ini menyebabkan mereka tidak diberikan sebarang markah walaupun wacana yang dibina itu utuh. Selain itu, ada calon yang hanya menulis satu ayat, sedangkan soalan menghendaki calon menulis wacana. Calon sedemikian tidak diberikan markah walaupun ayat yang dibina itu mengandungi penanda wacana penggantian. Contoh jawapan calon yang tidak tepat adalah seperti yang berikut:

- (a) Faiz dan Syakira akan pulang ke kampung untuk menyambut hari raya. Mereka pulang dengan menaiki kereta.
- (b) Rumah Ahmad sangatlah besar. Rumah itu dibeli pada usianya masih muda. Lebih kurang empat tahun rumah itu terbengkalai.
- (c) Ali, Rizal, dan Meng pergi ke kedai buku untuk membeli alat tulis. Mereka membeli pen, pensel, dan pemadam.
- (d) Ahmad memandu kereta dengan laju tanpa menghiraukan keadaan sekeliling.

Soalan 22(b) menghendaki calon menulis semula dua ayat yang mengandungi penanda elipsis yang terdapat dalam dialog yang berikut:

Zara	Buah mempelam jenis apa yang awak makan itu?
Elisa	Harum Manis.
Zara	Bagaimana rasanya?
Elisa	Manis. Yang ini untuk awak.
Zara	Terima kasih, Elisa.
Elisa	Sama-sama.
Zara	Beli di mana?
Elisa	Ambil di dusun ayah saya. Di sana ada banyak pokok buah ini.

Jawapan yang tepat untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

- (a) Harum manis.
- (b) Manis.
- (c) Beli di mana?
- (d) Ambil di dusun ayah saya.

Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan tepat. Calon dapat mengenal pasti bahagian dialog yang ada penanda elipsis. Namun demikian, ada segelintir calon yang tidak dapat menjawab soalan ini. Ada calon yang menyalin bahagian dialog yang tiada penanda elipsis. Hal ini berkemungkinan kerana calon tidak memahami maksud penanda elipsis. Selain itu, ada calon yang membina ayat atau wacana sendiri, yang mengandungi penanda elipsis. Walaupun ayat atau wacana yang dibina itu betul, calon tidak diberikan markah kerana tidak menepati kehendak soalan. Contoh jawapan calon adalah seperti yang berikut:

- (a) Rasanya manis. Saya ambil di dusun ayah saya.
- (b) Buah mempelam jenis apa yang awak makan itu? Harum Manis? Bagaimana rasanya?
- (c) Saya makan buah mempelam jenis Harum Manis.
- (d) Ibu suka makan buah mempelam muda. Kakak juga.

## Soalan 23

Soalan ini menghendaki calon menyatakan dua jenis retorik yang terdapat dalam petikan yang berikut:

Ibu tunggal itu tinggal bersama dengan tiga orang anaknya yang masih kecil sejak kematian suaminya. Oleh sebab kesempitan hidup, dia tidak mampu menyekolahkan anaknya yang sulung, manakala anaknya yang kedua pula hanya berasokolah setakat sekolah rendah. Kehidupannya yang begitu daif amat menyedihkan. Sesiapa yang bersimpati boleh memberikan sumbangan dalam bentuk wang ataupun barang keperluan ke alamat No. 1234, Jalan Ubi, Kampung Sendayung.

Jawapan yang tepat untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

- (a) Retorik penceritaan
- (b) Retorik pemujukan

Kebanyakan calon dapat memberikan jawapan yang tepat untuk soalan ini. Mereka dapat mengenal pasti jenis retorik yang digunakan dalam petikan tersebut. Namun demikian, ada calon yang tidak dapat menjawab soalan ini. Mereka tidak dapat mengenal pasti jenis retorik yang digunakan dalam petikan. Contoh jawapan yang diberikan oleh calon adalah seperti yang berikut:

- (a) Retorik pemerian
- (b) Retorik pendedahan
- (c) Retorik penghujahan

## Soalan 24

Soalan ini menghendaki calon mengembangkan idea yang berikut dengan menggunakan teknik eklektik. Panjang wacana mestilah tidak melebihi 30 patah perkataan.

Pengajian sejarah penting dalam usaha memupuk jati diri yang mampan. ....  
.....  
.....

Untuk menghasilkan wacana dengan menggunakan teknik eklektik, calon mestilah menulis sekurang-kurangnya satu pernyataan khusus dan satu lagi pernyataan umum kerana ayat yang disediakan dalam soalan ialah pernyataan umum. Contoh jawapan yang sesuai untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

Pengajian sejarah penting dalam usaha memupuk jati diri yang mapan. Melalui sejarah, kita belajar untuk tidak mengulangi kesilapan masa silam. Sejarah juga mengajar kita menghargai masa hadapan.

Tegasnya, pengajian sejarah dapat menzhirikan jati diri yang terpuji dan boleh dibanggakan.

Hanya sebilangan kecil calon dapat menjawab soalan ini dengan tepat. Calon ini mengetahui bahawa teknik penyampaian idea eklektik mestilah dimulai dengan pernyataan umum pada awal perenggan dan diakhiri dengan pernyataan umum yang sama pada akhir perenggan. Calon berkenaan berupaya untuk menulis pernyataan khusus yang relevan dengan pernyataan umum. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini. Kelemahan yang ketara ialah calon tidak memahami konsep teknik eklektik. Hal ini menyebabkan mereka tidak dapat mengembangkan idea dengan menggunakan teknik eklektik. Kesinambungan idea yang ditulis adalah tidak jelas dan tidak koheren. Mereka tidak dapat memberikan pernyataan umum dan pernyataan khusus dengan jelas. Selain itu, calon juga tidak dapat membezakan pernyataan umum dengan pernyataan khusus. Mereka hanya menulis pernyataan khusus sahaja dan tidak memberikan pernyataan umum dalam jawapan. Ada calon yang hanya menulis satu ayat dalam jawapan mereka. Kelemahan-kelemahan tersebut menyebabkan calon tidak memperoleh markah untuk soalan ini. Contoh jawapan calon yang kurang tepat adalah seperti yang berikut:

- (a) Pengajian sejarah dapat membentuk pelajar yang bersikap cinta akan negara. Usaha memupuk jati diri yang mapan melalui pengajian sejarah. Hal ini dikatakan demikian kerana pengajian sejarah mengajar masyarakat erti sikap patriotik. Pengajian sejarah juga memupuk cinta akan negara dalam kalangan rakyat dengan mengingat pejuang yang berjuang untuk mendapatkan kemerdekaan. Fakta-fakta dalam pengajian itu akan meningkatkan daya ingatan para pembaca sehingga memberi kesan yang positif. Justeru itu, usaha memupuk jati diri yang mapan dapat diperoleh dalam pengajian sejarah.
- (b) Pengajian sejarah dapat memberikan pengetahuan tentang kesusahan masyarakat dahulu. Tegasnya pendedahan tentang pengorbanan masyarakat dahulu dapat menimbulkan semangat nasionalisme dalam diri masing-masing.
- (c) Oleh itu, pihak sekolah perlu menekankan pengajian sejarah kepada murid.
- (d) Maka, pengajian sejarah sangat penting.

### Soalan 25

Soalan ini terbahagi kepada 25(a) dan 25(b), berdasarkan petikan yang berikut:

Fulamak, lagu baru *Bunkface* mantaplah brader! Dia punya goreng sikit punya garing. Tangkap lentok gua punya kepala.

Soalan 25(a) menghendaki calon menyatakan jenis variasi bahasa dalam petikan tersebut. Jawapan yang tepat untuk soalan ini ialah bahasa slanga. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini. Mereka dapat mengesan beberapa kosa kata yang menjadi petunjuk kepada bahasa slanga.

Namun demikian, terdapat calon yang tidak dapat menjawab soalan ini dengan tepat. Ada calon yang mengetahui jenis variasi bahasanya, namun mereka tersilap menjeja istilahnya, contohnya “selange” dan “slangar”. Ada pula calon yang langsung tidak dapat mengenal pasti jenis variasi bahasa yang digunakan dalam petikan berkenaan. Hal ini menyebabkan mereka memberikan pelbagai jenis variasi bahasa. Contoh jawapan calon adalah seperti yang berikut:

- (a) Bahasa pasar  
(b) Bahasa pijin  
(c) Bahasa kreol

Soalan 25(b) menghendaki calon memberikan dua contoh perkataan atau frasa yang menunjukkan jenis variasi bahasanya dalam petikan tersebut. Jawapan yang tepat untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

- (a) Brader  
(b) Goreng  
(c) Garing  
(d) Tangkap lentok

Kebanyakan calon dapat memberikan jawapan yang tepat untuk soalan ini. Mereka dapat memberikan dua contoh perkataan yang menepati ciri variasi bahasa slanga. Namun demikian, ada calon yang tidak dapat menjawab soalan ini dengan betul. Ada calon yang memberikan perkataan “gua” sebagai contoh yang menepati ciri variasi bahasa slanga. Perkataan “gua” tidak dapat diterima kerana perkataan “gua” merupakan bentuk yang lazim digunakan dalam bahasa pasar dan bahasa kreol. Perkataan “gua” tidak digunakan secara khusus dalam variasi bahasa slanga sahaja. Selain itu, ada calon yang menulis “lentok” sahaja sebagai jawapan. Jawapan sedemikian tidak diterima kerana calon sepatutnya menulis frasa yang lengkap dalam jawapan, iaitu “tangkap lentok”. Ada juga calon yang memberikan jawapan dalam bentuk ayat, sedangkan soalan menghendaki jawapan dalam bentuk perkataan atau frasa sahaja. Selain itu, ada calon yang memberikan contoh perkataan sendiri, yang tiada dalam petikan. Calon tidak diberikan sebarang markah walaupun contoh yang diberikan itu menepati ciri variasi bahasa slanga.

## Soalan 26

Soalan ini terbahagi kepada 26(a) dan 26(b). Soalan 26(a) adalah berdasarkan dialog yang berikut:

Raju:	Lama Husin tara nampak. Mana pigi? Tada sihat ka?
Kassim:	Ada. Tengah sibuk uruskan majlis anak dia. Bulan sepuluh khabarnya.

Soalan 26(a)(i) menghendaki calon menyatakan jenis variasi bahasa yang digunakan oleh Raju dan Kassim dalam dialog tersebut. Jawapan yang tepat untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

- (a) Raju: Bahasa pasar
- (b) Kassim: Bahasa basahan

Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan tepat. Mereka dapat mengenal pasti dan membezakan jenis variasi bahasa yang digunakan oleh Raju dan Kassim. Namun demikian, ada segelintir calon yang tidak dapat menjawab soalan ini. Mereka tidak dapat mengenal pasti variasi bahasa yang digunakan berdasarkan kosa kata yang terdapat dalam dialog tersebut. Mereka menulis pelbagai jenis variasi bahasa yang lain. Selain itu, ada calon yang memberikan jenis variasi bahasa yang direka sendiri. Contoh jawapan yang diberikan oleh calon adalah seperti yang berikut:

- (i) (a) Bahasa tak formal  
(b) Variasi India-Melayu
- (ii) (a) Bahasa slanga  
(b) Bahasa formal
- (iii) (a) Bahasa kreol  
(b) Variasi tidak baku
- (iv) (a) Bahasa kreol  
(b) Bahasa mesra

Soalan 26(a)(ii) pula menghendaki calon memberikan satu persamaan ciri bagi kedua-dua variasi bahasa tersebut. Antara jawapan yang tepat untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

- (a) Digunakan dalam konteks yang tidak formal
- (b) Tidak mementingkan ketepatan tatabahasa
- (c) Terdapat kosa kata yang tidak baku

Kebanyakan calon dapat memberikan jawapan yang tepat untuk soalan ini. Mereka dapat memberikan satu ciri yang sama bagi kedua-dua jenis variasi bahasa tersebut. Namun demikian, ada segelintir calon yang tidak dapat menjawab soalan ini. Mereka memberikan ciri yang umum, contohnya seperti yang berikut:

- (a) Menggunakan kependekan kata, mudah difahami, dan disebut
- (b) Tidak mematuhi Hukum D-M
- (c) Difahami oleh kedua-dua penutur, digunakan oleh kelompok tertentu
- (d) Menggunakan ayat yang ringkas dan mudah difahami
- (e) Percampuran dua bahasa
- (f) Digunakan dalam perbualan oleh kaum yang berbeza

Soalan 26(b) adalah berdasarkan dialog yang berikut:

Chan:	Bagaimana keadaan dia sekarang?
Azri:	Dia tengah tidur tapi masih tenat.

Soalan menghendaki calon menukar dialog ini kepada variasi bahasa istana jika “dia” yang dirujuk dalam perbualan tersebut merupakan seorang raja yang memerintah. Contoh jawapan yang tepat untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

Chan:	Bagaimakah keadaan baginda sekarang?
Azri:	Baginda sedang beradu tetapi masih gering.

Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan tepat. Mereka dapat mengenal pasti kosa kata yang perlu ditukarkan kepada kosa kata bahasa istana. Kebanyakan calon dapat menukar sekurang-kurangnya dua kosa kata tersebut kepada kosa kata bahasa istana. Namun demikian, ada calon yang tidak dapat menjawab soalan ini. Kelemahan yang ketara ialah calon tidak mengetahui kosa kata bahasa istana. Hal ini menyebabkan mereka menukar kosa kata asal kepada kosa kata yang salah. Ada calon yang keliru dengan penggunaan kata ganti nama diri dalam bahasa istana. Mereka menggunakan kata ganti nama diri pertama “beta” untuk menggantikan kata ganti nama diri ketiga “dia” yang terdapat dalam dialog berkenaan. Ada calon yang menukarkan kosa kata dalam dialog kepada kosa kata biasa, bukannya kosa kata bahasa istana. Ada calon yang menggunakan kosa kata bahasa istana, iaitu “bersemayam” namun makna perkataan ini tidak merujuk kepada makna kosa kata biasa yang digunakan dalam dialog tersebut, iaitu “tidur”. Contoh jawapan yang diberikan oleh calon adalah seperti yang berikut:

- (a) 

Chan:	Bagaimana keadaan baginda sekarang?
Azri:	Baginda sedang bersemayam dan masih sakit.
- (b) 

Chan:	Bagaimana keadaan beta sekarang?
Azri:	Beta lagi beristirahat tetapi keadaannya tidak baik.
- (c) 

Chan:	Bagaimana keadaan tuan hamba sekarang?
Azri:	Tuan hamba tengah tidur tapi masih garing.
- (d) 

Chan:	Bagaimana keadaan tuanku sekarang?
Azri:	Tuanku tengah tidur tapi masih lena.
- (e) 

Chan:	Bagaimana keadaan patik sekarang?
Azri:	Patik tengah tidur tapi masih tenat.

## Soalan 27

Soalan ini menghendaki calon memberikan dua ciri laras bahasa yang terdapat dalam petikan yang berikut:

Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) merupakan sebuah institusi keselamatan sosial yang ditubuhkan di bawah undang-undang Malaysia, Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991 (Akta 452). Tanggungjawabnya sangat penting, iaitu menyediakan faedah persaraan kepada ahlinya melalui pengurusan simpanan selaras dengan harapan setiap penyimpan. Aktiviti simpanan bukanlah aktiviti pasif yang tidak menyumbang nilai wang, sebaliknya simpanan ini dilaburkan untuk meningkatkan nilai simpanan ahli. Dalam Laporan Tahunan KWSP 2014 sahaja, caruman sebanyak RM57.17 bilion dicatatkan daripada 14.19 juta pencarumnya.

Antara jawapan yang tepat untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

- Mempunyai bukti dalam bentuk data atau statistik
- Menyampaikan maklumat secara tersusun, jelas, dan eksplisit atau tersurat
- Menggunakan kosa kata khusus seperti nilai simpanan, caruman, pelaburan, dan nilai wang

Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan tepat. Mereka dapat memberikan dua ciri laras bahasa yang digunakan dalam petikan tersebut, iaitu laras bahasa ekonomi. Namun demikian, ada calon yang tidak dapat menjawab soalan ini. Mereka memberikan ciri bagi laras bahasa yang lain. Ada calon yang memberikan ciri yang terlalu umum. Selain itu, ada calon yang memberikan jenis laras bahasa sebagai jawapan, dan bukannya ciri bagi laras bahasa tersebut. Contoh jawapan calon adalah seperti yang berikut:

- Laras bahasa iklan
- Laras bahasa ekonomi
- Laras bahasa undang-undang
- Penggunaan diksi bahasa yang tepat, lengkap, dan jelas
- Banyak menggunakan kata nama
- Mematuhi hukum tatabahasa
- Menggunakan sistem nombor
- Menggunakan rujuk silang
- Menggunakan ayat pasif
- Menggunakan bahasa formal

## Soalan 28

Soalan ini terbahagi kepada 28(a) dan 28(b) berdasarkan ciri yang berikut:

### *Laras bahasa X*

- Penggunaan bahasa yang ringkas tetapi kreatif
- Tujuannya untuk mempengaruhi atau mengubah sikap pendengar atau pembaca
- Banyak menggunakan kata adjektif

Soalan 28(a) menghendaki calon menyatakan jenis laras bahasa *X*. Jawapan yang tepat untuk soalan ini ialah laras bahasa iklan. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan tepat. Mereka dapat mengenal pasti jenis laras bahasa berdasarkan ciri yang diberikan dalam soalan. Namun demikian, ada calon yang tidak dapat menjawab soalan ini. Banyak calon yang keliru antara ciri laras bahasa yang dinyatakan dalam soalan dengan ciri laras bahasa sastera. Berdasarkan jawapan yang diberikan oleh segelintir calon, dapat dilihat bahawa ada calon yang sememangnya langsung tidak mempunyai pengetahuan tentang ciri laras sesuatu bahasa. Hal ini menyebabkan mereka memberikan jenis laras bahasa yang jauh tersasar daripada ciri yang ada dalam soalan, contohnya laras bahasa sains. Selain itu, ada yang memberikan jenis variasi bahasa sebagai jawapan. Ini menunjukkan bahawa calon tidak dapat membezakan laras bahasa dengan variasi bahasa. Contoh jawapan calon adalah seperti yang berikut:

- Laras sastera
- Laras bahasa sains
- Laras pemujukan
- Laras media
- Laras sukan
- Laras resipi
- Bahasa pasar

Soalan 28(b) menghendaki calon membina satu wacana yang menepati ciri laras bahasa X. Panjang wacana yang dibina mestilah tidak melebihi 40 patah perkataan. Contoh jawapan yang tepat untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

Atasi masalah wajah anda dengan *Velvet Cream*, produk dari SIRIM. Lindungi wajah anda dengan produk selamat ini. Gabungan lima ekstrak tumbuhan bertindak dengan berkesan sebagai antipenuaan dan pelindung sinar UV. Sangat berbaloi untuk wang anda. RM40 termasuk penghantaran.

Calon yang mengetahui bahawa laras bahasa X ialah laras bahasa iklan dapat menghasilkan wacana yang tepat bagi menjawab soalan ini. Mereka menghasilkan wacana yang utuh yang dapat menunjukkan ketiga-tiga ciri yang diberikan dalam soalan. Calon sedemikian mendapat markah penuh untuk soalan ini. Namun demikian, ada sebilangan calon yang tidak dapat menjawab soalan ini. Mereka tidak dapat membina wacana yang menepati laras bahasa iklan. Ada calon yang tidak mendapat markah penuh kerana wacana yang dibina oleh mereka tidak menonjolkan ketiga-tiga ciri yang diberikan dalam soalan. Ada calon yang menulis ayat yang panjang, tidak mengandungi kata adjektif, dan tidak membina iklan yang dapat mempengaruhi atau mengubah sikap pembaca. Ciri ini bertentangan dengan ciri laras bahasa iklan yang diberikan dalam soalan. Ada pula calon yang menonjolkan ciri tersebut namun ditulis dalam satu ayat dan bukannya dalam satu wacana. Hal ini menyebabkan mereka tidak diberikan markah. Selain itu, ada calon yang menghasilkan wacana yang menepati laras bahasa resepi dan laras bahasa sukan. Contoh jawapan calon adalah seperti yang berikut:

- (a) Produk Qu Puteh terbukti berkesan untuk mencerahkan kulit, menganjalkan kulit, dan menjadikan kulit anda tampak muda dan jelita di samping harganya murah dan mampu dimiliki oleh setiap orang.
- (b) Pada waktu petang, Amin selalu pergi ke pantai untuk menenangkan hati dan fikirannya. Angin-angin yang meniup ke arahnya semakin membuatkan Amin tenang. Sekiranya dia berasa tertekan, dia akan pergi ke pantai untuk melepaskan tekanan.
- (c) Masukkan secawan gula ke dalam mangkuk. Tambahkan kuning telur serta perasa vanila ke dalam mangkuk. Kacau sehingga sebati.
- (d) Pasukan Harimau Malaya dengan megahnya memasuki padang bersama pasukan Tok Gajah pada malam ini. Keaktifan pemain dapat dilihat ketika aktiviti memanaskan badan di bahagian sisi padang.
- (e) Sediakan bahan dan radas sebelum membuat eksperimen. Ambil 3 silinder penyukat dan labelkan. Masukkan 3 jenis asid ke dalam silinder penyukat yang telah dilabelkan.

## Soalan 29

Soalan ini terbahagi kepada 29(a) dan 29(b). Soalan 29(a) menghendaki calon membina dua ayat dengan menggunakan perkataan “jambatan” untuk menunjukkan makna denotatif dan makna konotatif. Contoh jawapan yang tepat untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

- (a) Makna denotatif  
Jambatan yang baru dibina itu telah runtuh akibat banjir.
- (b) Makna konotatif  
Sesetengah orang pandai menjadikan orang lain sebagai jambatan untuk mencapai kejayaan.

Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan tepat. Mereka dapat membina dua ayat yang gramatis dengan menggunakan perkataan “jambatan”. Kedua-dua ayat yang dibina oleh calon dapat menunjukkan makna denotatif dan juga makna konotatif dengan tepat. Contoh jawapan calon adalah seperti yang berikut:

- (a) Makna denotatif
  - (i) Jambatan di kampung itu telah dinaik taraf.

- (ii) Ali menggunakan jambatan kayu itu untuk melepas air sungai yang deras.
- (iii) Jambatan Pulau Pinang merupakan salah satu jambatan terpanjang di dunia.
- (iv) Jambatan yang runtuh itu menyebabkan kesukaran kepada penduduk kampung.

**(b) Makna konotatif**

- (i) Belajar merupakan jambatan menuju kejayaan.
- (ii) Membaca itu jambatan ilmu.
- (iii) Jambatan kasih antara Ana dengan Saiful dihalang oleh kedua ibu bapa mereka.
- (iv) Kempen “Membaca Jambatan Ilmu” perlu diadakan di setiap sekolah di negara ini.

Namun demikian, ada calon yang tidak dapat menjawab soalan ini. Mereka tidak dapat membina ayat dengan menggunakan perkataan “jambatan” untuk menunjukkan makna denotatif dan makna konotatif. Ada antara calon yang tidak memahami istilah makna denotatif dan makna konotatif. Mereka membina dua ayat yang kedua-duanya membawa makna denotatif atau dua ayat yang kedua-duanya membawa makna konotatif. Ada calon yang menulis ayat dengan maksud konotatif dalam ruang jawapan denotatif dan menulis ayat dengan maksud denotatif bagi ruang jawapan konotatif. Hal ini mungkin disebabkan mereka benar-benar tidak mengetahui maksud makna denotatif dan konotatif atau kerana kecuaian mereka menyebabkan mereka menulis jawapan pada ruangan yang salah. Selain itu, ada calon yang membina ayat tanpa menggunakan perkataan “jambatan”. Ada juga calon yang tidak mengeja perkataan jambatan dengan betul, misalnya jambatan dieja dengan “jabatan” atau “jambangan”. Ada pula calon yang menganggap jambatan sebagai “jabatan kerajaan” dan “jejantas”. Contoh ayat yang dibina oleh calon adalah seperti yang berikut:

**(a) Makna denotatif**

- (i) Membaca jambatan ilmu.
- (ii) Azmi bertugas di jambatan kerajaan di Putrajaya.

**(b) Makna konotatif**

- (i) Jambatan Pulau Pinang sesak pada waktu petang.
- (ii) Azri memberikan jambatan bunga kepada kekasihnya.
- (iii) Jalan itu dibaiki oleh Jambatan Kerja Raya
- (iv) Sangat cantik jambatan Darul Hana itu.
- (v) Jambatan itu kelihatan cantik dan besar.
- (vi) Murid-murid sekolah itu melintas jalan raya menggunakan jambatan.

Soalan 29(b) menghendaki calon menyatakan perkaitan makna dari segi leksikal bagi perkataan yang berhuruf condong dalam Y dan Z yang berikut:

Y	Z
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Nasi yang dimasak oleh adik masih <i>mentah</i> lagi.</li> <li>• Jangan disalahkan perbuatan budak itu kerana pemikiran budak itu masih <i>mentah</i> lagi.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Saya hendak membeli air kerana sungguh <i>haus</i>.</li> <li>• Emak membeli kasut baharu untuk abang kerana tapak kasut abang sudah <i>haus</i>.</li> </ul>

Jawapan yang tepat untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

- (a) Y: Polisemi
- (b) Z: Homonim

Tidak banyak calon yang dapat menjawab soalan ini dengan tepat. Mereka tidak dapat membezakan maksud polisemi dengan maksud homonim. Ada calon yang mengetahui perkaitan makna perkataan dalam Y, tetapi mereka tidak mengetahui perkaitan makna perkataan dalam Z. Ada calon yang tertukar

S

SEMESTER 3

jawapan bagi soalan ini, iaitu Y dijawab sebagai homonim dan Z dijawab sebagai polisemi. Hal ini mungkin disebabkan calon memang keliru antara homonim dengan polisemi atau mungkin kerana kecuaian mereka menyebabkan mereka menulis jawapan pada ruangan yang salah. Ada calon yang memberikan jawapan dalam bentuk huraian secara umum. Hal ini menunjukkan bahawa calon tidak mengingati istilah yang digunakan dalam tajuk perkaitan makna leksikal. Contoh jawapan calon adalah seperti yang berikut:

- (i) (a) Y: Homograf  
(b) Z: Homofon
- (ii) (a) Y: Makna mentah menunjukkan sesuatu perkara atau keadaan yang belum matang  
(b) Z: Haus menunjukkan makna yang berbeza tetapi ejaan dan sebutan yang sama
- (iii) (a) Y: Perkataan yang sama tetapi maknanya yang sama  
(b) Z: Perkataan yang sama tetapi makna berbeza
- (iv) (a) Y: Pengulangan kata yang berantonim  
(b) Z: Persamaan perkataan namun berbeza maksud

### Soalan 30

Soalan ini menghendaki calon memberikan tiga perkataan yang mengalami perubahan makna dalam petikan yang berikut:

Ustaz Syamsul mengajar ilmu agama di pondok yang berdekatan dengan rumahnya. Dia menggunakan kitab yang diwakafkan oleh gurunya sebagai rujukan dan panduan untuk diajarkan kepada pelajar.

Jawapan yang tepat untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

- (a) Ustaz
- (b) Pondok
- (c) Kitab

Kebanyakan calon dapat memberikan jawapan yang tepat untuk soalan ini. Mereka dapat mengenal pasti perkataan yang mengalami perubahan makna dalam petikan yang diberikan. Namun demikian, ada segelintir calon yang tidak dapat menjawab soalan ini dengan betul. Ada calon yang menulis perkataan yang tidak berlaku perubahan makna. Ada juga calon yang menulis frasa dan klausa dalam jawapan. Jawapan yang sedemikian tidak diberikan markah walaupun terdapat perkataan yang mengalami perubahan makna dalam frasa atau klausa berkenaan. Contoh jawapan calon adalah seperti yang berikut:

- (a) Rujukan
- (b) Diajarkan
- (c) Diwakafkan
- (d) Ilmu agama
- (e) Ustaz Syamsul
- (f) Mengajar ilmu agama
- (g) Kitab yang diwakafkan
- (h) Pondok yang berdekatan dengan rumahnya

### Soalan 31

Soalan ini terbahagi kepada 31(a) dan 31(b). Soalan 31(a) menghendaki calon membina satu ayat dengan menggunakan setiap simpulan bahasa yang diberikan dalam soalan bagi menunjukkan maknanya

dengan tepat. Simpulan bahasa berkenaan tidak boleh diberikan imbuhan. Yang berikut merupakan simpulan bahasa yang diberikan dalam soalan dan contoh jawapan yang tepat untuk soalan ini:

(a) Ajak-ajak ayam

Kamil tidak segan silu duduk makan bersama dengan tetamu walaupun tuan rumah hanya ajak-ajak ayam.

(b) Jinak-jinak merpati

Agak sukar untuk pemuda itu memikat hati Wani kerana dia jinak-jinak merpati.

Sesetengah calon memahami maksud simpulan bahasa tersebut dan dapat membina ayat dengan menggunakan simpulan bahasa berkenaan. Ayat yang dibina menunjukkan makna simpulan bahasa tersebut dengan tepat. Contoh jawapan calon adalah seperti yang berikut:

(a) Ajak-ajak ayam

Walaupun Fadil telah diajak oleh Hamadi untuk datang ke rumahnya, Fadil tetap enggan menghadiri ke majlis tersebut kerana dia merasakan bahawa Hamadi hanya sekadar ajak-ajak ayam.

(b) Jinak-jinak merpati

Ayam itu seperti jinak-jinak merpati mudah didekati tetapi sukar untuk ditangkap apabila ada orang yang hendak menangkapnya.

Namun demikian, ada calon yang tidak dapat menjawab soalan ini. Kelemahan yang ketara ialah calon sebenarnya tidak memahami maksud simpulan bahasa yang diberikan dalam soalan. Oleh sebab itu, mereka membina ayat yang tidak menepati maksud simpulan bahasa tersebut. Ada yang menganggap simpulan bahasa “ajak-ajak ayam” sama maksudnya dengan “tidur-tidur ayam” dan simpulan bahasa “jinak-jinak merpati” seperti “berjinak-jinak”. Ada calon yang tidak menggunakan simpulan bahasa dalam ayat yang dibina. Calon sedemikian tidak diberikan sebarang markah walaupun ayat yang dibina membawa makna yang sama yang didukung oleh simpulan bahasa tersebut. Selain itu, ada calon yang langsung tidak menjawab soalan ini. Contoh jawapan calon adalah seperti yang berikut:

(a) Ajak-ajak ayam

- (i) Siti bersikap ajak-ajak ayam ketika kawannya mengajaknya ke perpustakaan.
- (ii) Budin ajak-ajak ayam kerana selalu membuat kerja separuh jalan.
- (iii) Ali tidur ajak-ajak ayam kerana takut dimarahi ibunya.
- (iv) Dia hanya ajak-ajak ayam sepanjang perjalanan ke kampungnya.
- (v) Aiman mengajak Saiful untuk menyertai pertandingan bola sepak tetapi berharap saiful menolak ajakannya.

(b) Jinak-jinak merpati

- (i) Abu ibarat jinak-jinak merpati semasa berada di sekolah.
- (ii) Jinak-jinak merpati, jinak lagi kucing saya yang sudah mati, betul tak Ali?
- (iii) Aisyah seorang pelajar cemerlang kerana dia jinak-jinak merpati.
- (iv) Dia masih lagi jinak-jinak merpati dalam bidang sukan yang baru diceburinya.
- (v) Budak itu baru mesra dengan orang yang baru diikenalinya.

Soalan 31(b) menghendaki calon menyatakan peribahasa yang sesuai bagi menggambarkan situasi dalam petikan yang berikut:

Aisyah telah kematian ayahnya lima tahun lalu. Baru-baru ini, ibunya pula telah meninggalkannya dan dia sudah tiada tempat untuk bergantung hidup.

Antara peribahasa yang sesuai bagi menggambarkan situasi tersebut adalah seperti yang berikut:

- (a) Bagai si buta kehilangan tongkat

- (b) Sudah jatuh ditimpa tangga  
(c) Bagai layang-layang terputus talinya

Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan tepat. Mereka dapat memberikan peribahasa yang sesuai untuk situasi yang diberikan dalam petikan. Namun demikian, ada calon yang tidak dapat menjawab soalan ini. Mereka memberikan pelbagai peribahasa namun tidak bersesuaian dengan situasi dalam petikan tersebut. Ada calon yang mereka-reka peribahasa sendiri. Ada calon yang memberikan peribahasa yang membawa maksud bermuram atau bersedih namun peribahasa itu tidak sesuai untuk menggambarkan situasi dalam petikan. Ada yang memberikan jawapan yang tidak lengkap. Hal ini menyebabkan mereka tidak diberikan sebarang markah kerana peribahasa yang tidak lengkap membawa makna yang berbeza daripada makna peribahasa tersebut. Selain itu, ada calon yang memberikan jawapan bukan dalam bentuk peribahasa. Contoh jawapan calon adalah seperti yang berikut:

- (a) Jatuh ditimpa tangga  
(b) Yatim piatu  
(c) Sebatang kara  
(d) Bagai kerbau patah tangan dan kakinya  
(e) Laksana jentayu menantikan hujan  
(f) Pelita kehabisan minyak  
(g) Cicir dipungut hilang dicari

### Soalan 32

Soalan ini terbahagi kepada 32(a) dan 32(b) berdasarkan ciri ragam bahasa yang berikut:

Ciri ragam bahasa
<ul style="list-style-type: none"><li>• Menggambarkan sesuatu secara berlebih-lebihan sehingga dianggap tidak logik.</li><li>• Perbandingan yang dibuat berlebih-lebihan tetapi hanya untuk mengindahkan penggunaan bahasa sahaja.</li></ul>

Soalan 32(a) menghendaki calon menyatakan jenis ragam bahasa yang menepati ciri tersebut. Jawapan yang tepat untuk soalan ini ialah ragam bahasa melampau. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan tepat. Mereka dapat mengenal pasti ragam bahasa melampau berdasarkan ciri yang diberikan dalam soalan. Namun demikian, ada calon yang tidak dapat menjawab soalan ini. Mereka memberikan pelbagai jenis ragam bahasa yang lain. Hal ini bermakna calon hanya meneka jawapan untuk soalan ini. Selain itu, ada calon yang memberikan jenis ragam bahasa rekaan sendiri sebagai jawapan. Jawapan sedemikian menunjukkan bahawa calon tidak mengetahui jenis-jenis ragam bahasa. Contoh jawapan calon adalah seperti yang berikut:

- (a) Ragam bahasa bertimbal  
(b) Bahasa mengejek  
(c) Bahasa tempelak  
(d) Ragam bahasa kiasan permanusiaan  
(e) Ragam bahasa melerat  
(f) Ragam bahasa meninggi  
(g) Ragam bahasa perbandingan

Soalan 32(b) menghendaki calon membina satu wacana yang menepati ciri ragam bahasa yang diberikan dalam soalan. Panjang wacana mestilah tidak melebihi 20 patah perkataan. Contoh jawapan yang tepat untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

Demi kalian, lautan api sanggup aku renangi. Jika kalian tidak percaya, belahlah dadaku.

Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan tepat. Mereka dapat membina satu wacana yang menepati ciri ragam bahasa yang diberikan dalam soalan. Contoh jawapan calon adalah seperti yang berikut:

- Aiman sering meluahkan rasa cintanya kepada Ain. Dia selalu berkata bahawa dia sanggup merenangi lautan api demi mendapatkan cintanya, iaitu Ain.
- Akim pergi ke kampung Sarah. Akim ke sana untuk meluahkan perasaannya kepada Sarah. Akim berkata bahawa cintanya kepada Sarah seluas lautan.
- Kecantikan anak Pak Harun tidak dapat disangkal lagi. Dia cantik seperti bidadari.

Namun demikian, ada calon yang tidak dapat menjawab soalan ini. Kelemahan yang ketara ialah calon membina wacana yang tidak menggambarkan sesuatu secara berlebih-lebihan. Calon sekadar memberikan perbandingan setara. Ada calon yang tidak memberikan jawapan dalam bentuk wacana, sebaliknya dalam satu ayat sahaja. Walaupun ayat yang dibina itu menepati ciri ragam bahasa melampau, calon tidak diberikan markah kerana tidak memenuhi kehendak soalan. Banyak calon yang membina wacana yang tidak menepati ciri ragam bahasa melampau tetapi wacana tersebut mengandungi ciri personifikasi. Selain itu, ada calon yang menulis wacana yang menepati ciri ragam bahasa yang lain. Contoh jawapan calon adalah seperti yang berikut:

- Ombak yang memukul pantai menenangkan fikiran Ali yang sedang bercelaru.
- Ibu Ali memarahi Ali melalui telefon, suara dalam telefon itu sangat kuat seperti halilintar yang membelah langit.
- Demi mencapai kasih sayangmu, lautan api sanggup kurenangi.
- Aku ternampak seekor gajah di hutan semasa aku hilang di hutan. Aku menunggang gajah tersebut untuk mencari jalan keluar.
- Asyik aku saja yang buat kerja di sini. Kau buat apa?
- Kamu tu bukannya muda lagi. Anak si Husin tu bulan lepas dah kahwin. Kamu ni bila lagi?

### Soalan 33

Soalan 33 terbahagi kepada 33(a) dan 33(b). Soalan 33(a) menghendaki calon menyatakan tiga aspek kesantunan bahasa yang digunakan dalam petikan dialog yang berikut:

#### **Situasi di kaunter Pejabat Perikanan**

Pembantu tadbir: Selamat pagi, boleh saya bantu encik?

Tetamu: Selamat pagi. Saya ingin berjumpa dengan Pegawai Perikanan, Tuan Haji Murad bin Abu Bakar. Beliau minta saya berjumpa dengannya hari ini.

Pembantu tadbir: Oh, Tuan Haji Murad ke bilik air tadi. Encik boleh tunggu sebentar. Sila duduk dahulu, encik.

Tetamu: Terima kasih.

Pembantu tadbir: Sama-sama.

Jawapan yang tepat untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

- Penggunaan ungkapan bertatasusila
- Penggunaan bahasa halus
- Penggunaan kata ganti nama diri yang hormat
- Penggunaan panggilan kehormat yang betul

Ada segelintir calon yang dapat menjawab soalan ini dengan tepat. Mereka dapat mengesan aspek kesantunan bahasa yang terdapat dalam petikan dialog yang diberikan dalam soalan. Ada calon yang tidak dapat menjawab soalan ini. Kelemahan yang ketara ialah mereka tidak mengetahui aspek kesantunan bahasa. Mereka memberikan beberapa contoh kosa kata dalam dialog berkenaan sebagai

jawapan. Ada calon yang memberikan aspek kesantunan bahasa namun terlalu umum. Ada juga calon yang memberikan jenis ragam bahasa. Selain itu, ada calon yang memberikan jawapan yang jauh tersasar daripada tajuk kesantunan bahasa. Jawapan sedemikian menggambarkan bahawa mereka tidak menguasai tajuk ini. Contoh jawapan calon adalah seperti yang berikut:

- (a) Hubungan sebab tujuan
- (b) Selamat pagi, terima kasih, sila duduk dahulu
- (c) Kiasan pemanis
- (d) Ungkapan rutin
- (e) Bahasa pemanis
- (f) Bahasa merendah
- (g) Menggunakan bahasa formal
- (h) Menggunakan gelaran
- (i) Menggunakan diksi yang tepat
- (j) Penggunaan kata halus
- (k) Penggunaan bahasa mempelawa
- (l) Memberi salam

Soalan 33(b) terbahagi kepada 33(b)(i) dan 33(b)(ii) berdasarkan maklumat yang berikut:

**Raja Ahmad bin Raja Abas**

- Lulusan ijazah Doktor Falsafah daripada universiti awam
- Menyandang jawatan Menteri Besar

Soalan 33(b)(i) menghendaki calon menyatakan panggilan hormat bagi tokoh tersebut. Jawapan yang tepat untuk soalan ini ialah Yang Amat Berhormat Mulia Dr. Ada calon yang dapat menjawab soalan ini dengan tepat. Mereka dapat menentukan gelaran tokoh berkenaan berdasarkan maklumat yang diberikan dalam soalan. Namun demikian, kebanyakan calon tidak menjawab soalan ini dengan tepat. Mereka tidak dapat memberikan panggilan hormat yang sesuai untuk tokoh tersebut berdasarkan jawatan yang disandang, iaitu Menteri Besar, dan juga berdasarkan gelaran warisan yang dimiliki oleh beliau, iaitu Raja. Kebanyakan calon tidak meletakkan rujukan kehormat untuk kerabat, iaitu Yang Mulia dalam jawapan mereka. Contoh jawapan calon adalah seperti yang berikut:

- (a) Yang Berhormat Dr. Raja Ahmad bin Raja Abas
- (b) Yang berhormat
- (c) Yang Amat Berhormat
- (d) Yang berbahagia menteri besar
- (e) Yang Amat Berhormat Professor Madya Raja Ahmad bin Raja Abas

Soalan 33(b)(ii) menghendaki calon menyatakan dua jenis gelaran yang dimiliki oleh tokoh tersebut. Jawapan yang tepat untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

- (a) Gelaran keturunan/warisan
- (b) Gelaran ikhtisas/akademik

Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan tepat. Calon dapat mengesan gelaran yang dimiliki oleh tokoh berkenaan berdasarkan maklumat yang diberikan dalam soalan. Namun demikian, ada segelintir calon yang tidak dapat menjawab soalan ini dengan tepat. Mereka terkeliru antara gelaran warisan dengan gelaran kurniaaan. Calon juga tersilap memilih kata untuk gelaran, contohnya gelaran ikhtisas ditulis sebagai gelaran pendidikan dan gelaran ilmu. Selain itu, ada calon yang memberikan jawatan yang disandang oleh tokoh tersebut sebagai jawapan. Hal ini menunjukkan bahawa calon tidak benar-benar dapat membezakan jenis gelaran yang dimiliki oleh seseorang. Contoh jawapan calon adalah seperti yang berikut:

- (a) Gelaran kehormat
- (b) Gelaran pangkat
- (c) Gelaran kedoktoran
- (d) Gelaran kekeluargaan
- (e) Tahap pendidikan
- (f) Gelaran politik
- (g) Menteri

# LAPORAN PEPERIKSAAN STPM & MUET 2020



**SASBADI SDN. BHD.** 198501006847

(Anak syarikat milik penuh Sasbadi Holdings Berhad 201201038178)  
Lot 12, Jalan Teknologi 3/4, Taman Sains Selangor 1,  
Kota Damansara, 47810 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.  
Tel: +603-6145 1188 Faks: +603-6145 1199  
Laman web: [www.sasbadisb.com](http://www.sasbadisb.com) E-mel: [enquiry@sasbadi.com](mailto:enquiry@sasbadi.com)



**MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA**

Persiaran 1, Bandar Baru Selayang,  
68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan.  
Tel: +603-6126 1600 Faks: +603-6136 1488  
Laman web: [www.mpm.edu.my](http://www.mpm.edu.my) E-mel: [ppa@mpm.edu.my](mailto:ppa@mpm.edu.my)